Jabatan Antropologi dan sosiologi
No. Kelas: 84 Ma
No Perolehan: T 0903
Tarikh: 17/84

# KELONGGARAN IKATAN SOSIAL DAN JENAYAH JUVENA

Oleh

MARIANI MANSOR

No. Matrik 041338

Latihan Ilmiah
Bagi Memenuhi Sebahagian
Daripada Syarat-Syarat Untuk
Ijazah Sarjana Muda Sastera

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

SESSI 1984/85

University of Malaya

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim.

Syukur kehadrat Illahi, berkat kesabaran dan semangat yang diberikan saya dapat menyiapkan Latihan Ilmiah ini. Sejak kajian ini dijalankan, saya telah menerima banyak teguran dan bantuan dari berbagai-bagai pihak.

Di sini saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada penyelia saya, Encik Abd. Hadi Zakaria yang telah banyak memberikan nasihat dan tunjuk ajar sehingga ke peringkat akhir serta Pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat yang telah membenarkan kajian ini diteruskan.

Melalui ruangan ini juga saya ingin mengucapkan rasa penghargaan yang tidak terhingga kepada 'penghuni' dan kakitangan STBT yang telah banyak bekerjasama dengan saya, Encik Ismail, Pegawai Kebajikan Masyarakat Taiping serta orang perseorangan yang terlibat semasa kajian ini dijalankan.

Tidak lupa juga ucapan teristimewa buat Ady, Ati, Gis, Zai, Pah, Imi, Nora dan rakan-rakan lain yang turut sama memberikan sokongan moral dalam menyiapkan latihan ini serta khidmat Puan Noorbibi yang sudi menaipkannya.

University of Malaya

Justeru itu, saya begitu terhutang budi dan mengucapkan setinggi terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan tunjuk ajar, kerjasama dan sokongan dalam menyiapkan Latihan Ilmiah saya ini.

MARIANI MANSOR.

Jabatan Antropologi Dan Sosiologi,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.

14 Januari 1985.

University of Malaya

# SINOPSIS

Latihan Ilmiah ini memuatkan beberapa hal mengenai masalah jenayah di kalangan para remaja. Pengkaji bertujuan untuk mencari apakah faktor-faktor yang mempengaruhi perlakuan delinwen tersebut. Fokus utama adalah untuk melihat sama ada kelonggaran ikatan sosial berperanan di dalam menentukan sikap dan tingkah laku remaja ke arah jenayah. Untuk tujuan ini, pengkajian telah dijalankan ke atas penghuni (pesalah) dari STBT. Tumpuan pengkaji hanyalah ke atas pesalah juvena terhadap harta benda.

Dalam Bab 1, pengkaji telah menghuraikan pengenalan serta tatacara kajian secara ringkas. Bab Ke 2 pula diberikan beberapa penerangan konsep dan definisi yang berkaitan dengan delinquency. Ini bertujuan untuk menjamin agar ianya tidak lari dari tujuan dasar kajian. Dalam bab ini juga telah dihuraikan teori-teori yang sesuai terutamanya Teori Kawalan oleh Travis Hirschi yang mementingkan konsep ikatan sosial - yang menjadi garis pegangan pengkaji dalam menentukan perlakuan delinkwen.

Seterusnya dalam Bab 3, pengkaji telah mengemukakan beberapa findings dan analisis dari kajian ini. Pengkaji telah mengaitkan findings tersebut dengan elemen ikatan sosial dan mendapati memang wujud korelasi antara perlakuan delinkwen dengan kelonggaran ikatan sosial, walaupun tidak semuanya memperlihatkan korelasi yang positif. Di

peringkat ini remaja masih teragak-agak sama ada hendak meneruskan kegiatan itu ataupun sebaliknya. Oleh itu pengkaji merasakan masih ada faktor lain yang mendorong seseorang remaja terjerumus ke lembah jenayah. Maka di dalam Bab 4, pengkaji telah menunjukkan bagaimana remaja yang berada ditahap kerelaan akan terus melakukan jenayah berdasarkan kehadiran faktor-faktor kemudahan dan moral holiday.

Akhirnya dalam Bab 5, pengkaji telah merumuskan segala maklumat yang telah diperolehi semasa menjalankan kajian dengan mengaitkannya dengan Teori Kawalan. Pengkaji mendapati teori Hirschi ini memang sesuai digunakan untuk melihat pengaruh jenayah ke atas remaja. Ikatan sosial yang longgar dibuktikan boleh mendorong remaja menjadi penjenayah.

Sekian.

University of Malaya

KANDUNGAN


| | Halaman |
|---|---|
| Dedikasi | ii |
| Penghargaan | iii |
| Sinopsis | v |
| Kandungan | vii |
| Senarai Jadual Dan Rajah | x |
| BAB 1 : PENDAHULUAN | |
| 1.1 Latar Belakang | 1 |
| 1.2 Bidang Dan Tumpuan Kajian | 3 |
| 1.3 Tujuan Utama Membuat Kajian | 4 |
| 1.4 Responden-responden Pengkaji | |
| A. Responden Atau Sampel Yang Dipilih | 6 |
| B. Jenis-jenis Jenayah Yang Dilakukan | 7 |
| C. Taburan Umur Responden | 9 |
| D. Tempat Asal Responden | 9 |
| E. Jantina Responden | 10 |
| F. Bangsa Responden | 11 |
| 1.5 Teknik-teknik Penyelidikan Yang Digunakan | |
| A. Penggunaan Fail-fail Peribadi Penghuni STBT | 12 |
| B. Soal-selidik | 12 |
| C. Temubual | 15 |
| D. Library Research | 16 |


University of Malaya

Halaman

1.6 Kesulitan-kesulitan Yang Dihadapi Semasa Menjalankan Kajian 16

1.7 Kesimpulan 20

BAB 2 : JENAYAH JUVENA

2.1 Definisi Konsep Penjenayahan Juvena 22

Budak-budak 23

Mahkamah Budak-budak 25

2.2 Pesalah Juvena Dan Darjah-darjah Kesalahan 26

2.3 Teori

A. Pendekatan Secara Biologikal 32

B. Pendekatan Secara Sosiologikal 34

C. Teori Kawalan 35

1. Pertalian (Attachment) 38

2. Penglibatan (Commitment) 39

3. Partisipasi (Involvement) 40

4. Kepercayaan (Belief) 40

2.4 Kesimpulan 43

BAB 3 : JENAYAH JUVENA DAN IKATAN SOSIAL

3.1 Jenayah Juvena Dan Kelonggaran Hubungan Kekeluargaan 45

Bilangan Adik-beradik 47

Perceraian Ibu Bapa Atau Broken Homes 53

Ibu Bapa Yang Bekerja 56

University of Malaya

Halaman

3.2 Pelajaran Atau Sekolah 59

3.3 Pertentangan Sistem Nilai 66

3.4 Pegangan Agama 68

3.5 Kesimpulan 72

BAB 4 : KERELAAN MENUJU KEPADA TINDAKAN

4.1 Latar Belakang 75

4.2 Faktor-faktor Kemudahan Dan Pergaulan 75

4.3 Faktor Moral Holiday 88

4.4 Kesimpulan 93

BAB 5 : KESIMPULAN 97

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN CONTOH BORANG SOAL SELIDIK

| Bil. Jadual | Senarai Jadual | Halaman |
|---|---|---|
| 1.1 | Bilangan Kemasukan Kes-kes Baru Mengikut Penjenisan Kesalahan Bagi Tahun 1983 | 8 |
| 1.2 | Tempat Asal Responden (STBT) | 10 |
| 3.1 | Bilangan Adik-beradik Responden | 47 |
| 3.2 | Hubungan Responden Dengan Layanan Atau Kemesraan Dari Siblingnya | 49 |
| 3.3 | Hubungan Responden Dengan Sumber Atau Tempat Mereka Mengadu Masalah | 50 |
| 3.4 | Hubungan Kemesraan Responden Dengan Ibu Bapa | 52 |
| 3.5 | Bentuk Hubungan Antara Ibu Dan Bapa Responden | 54 |
| 3.6 | Kadar Kebebasan Yang Diperolehi Oleh Responden | 55 |
| 3.7 | Pihak Keluarga Responden Yang Mencari Nafkah | 57 |
| 3.8 | Tingkat Pelajaran Yang Dicapai Oleh Responden | 60 |
| 3.9 | Darjah Ponteng Sekolah Di Kalangan Responden | 61 |
| 3.10 | Sikap Responden Terhadap Pelajaran | 62 |
| 3.11 | Sikap Responden Terhadap Guru | 63 |
| 3.12 | Persepsi Pesalah Juvena Terhadap Masyarakat Di Sekelilingnya | 66 |
| 3.13 | Hubungan Antara Pesalah Juvena Dengan Masyarakat Setempat | 68 |
| 3.14 | Darjah Pendidikan Agama Yang Diperolehi Oleh Pesalah Juvena | 69 |

University of Malaya

| Bil. Jadual | Senarai Jadual | Halaman |
|---|---|---|
| 3.15 | Sumber Didikan Agama Pesalah Juvena | 70 |
| 3.16 | Kekerapan Pesalah Juvena Melakukan Sembahyang | 71 |
| 4.1 | Responden Dan Majoriti Jenis Rakan-rakannya | 85 |
| 4.2 | Darjah Pergaulan Responden Dengan Rakan Delinkwen | 86 |
| 4.3 | Sebab-sebab Pesalah Juvena Melakukan Jenayah | 91 |

| Bil. Rajah | | |
|---|---|---|
| 2.1 | Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Kerelaan Dan Keputusan Untuk Melibatkan Diri Dengan Jenayah | 37 |
| 3.1 | Rajah 3.1 | 64 |
| 3.2 | Rajah 3.2 | 65 |


University of Malaya

# BAB I

# PENDAHULUAN

## 1.1 Latar Belakang

Dalam mana-mana negara yang mempunyai berbagai kumpulan etnik-budaya, persoalan keruntuhan moral dan penyakit masyarakat kian menjadi satu isu yang sangat mustahak. Keruntuhan nilai budaya dan moral ini semakin rancak sehingga mengakibatkan ramai remaja dan kanak-kanak di bawah umur[1] terjerumus ke lembah jenayah. Negara-negara yang sedang mengalami proses pembangunan yang pesat pasti menghadapi bahaya yang besar ekoran dari masalah jenayah juvena yang kian meningkat. Ini adalah sesuatu yang tidak wajar memandangkan generasi muda atau jelasnya kaum belia itulah kelak yang bakal menggantikan generasi tua dalam mengambil alih pucuk pimpinan negara; bak kata perpatah Melayu, "pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara". Tetapi, apakah yang akan terjadi kiranya tiang tersebut musnah? Sudah tentulah negara yang bakal diwarisi oleh generasi yang seterusnya akan terus berada di dalam keadaan yang merbahaya, terumbang-ambing dan akhirnya 'musnah'.

Hampir setiap hari akhbar-akhbar memaparkan berita-berita jenayah, dari yang paling kecil hinggalah kepada yang paling besar. Ini menunjukkan masyarakat kini seolah-olah berada dalam keadaan tidak tenteram dan sentiasa hidup diancam jenayah. Hal ini memperlihatkan masyarakat kini sedang sakit, diserang oleh penyakit jenayah. Demikianlah

---

[1] Merujuk kepada kanak-kanak di bawah umur 21 tahun berdasarkan had bawah umur di Malaysia.

dalam negara-negara membangun misalnya, Malaysia di mana jenayah semacam tidak dapat dielakkan lagi. Ekoran dari itu jugalah maka generasi yang lebih tua harus memberi perhatian yang teliti ke atas masalah ini demi untuk keselamatan negara di masa hadapan.

Masalah jenayah juvena dan keruntuhan akhlak atau moral di kalangan generasi muda telah menjadi satu topik perbincangan dan polemik hangat segenap lapisan masyarakat. Masalah ini telah menjadi kian serius dan mulai mendapat perhatian yang wajar walaupun tidak keseluruhannya lagi. Walaupun masalah sosial ini juga wujud di Malaysia, namun belum terdapat perangkaan yang benar-benar tepat yang boleh membuktikan jumlah sebenar bilangan pesalah juvena di negara ini. Walau bagaimanapun, mulai tahun 60an, atau lebih tepatnya selepas perang dunia ke dua, pakar-pakar telah mulai sedar akan masalah jenayah di kalangan kanak-kanak yang kian meningkat. Berbagai kajian telah dijalankan untuk mencari puncanya. Seperti yang dinyatakan oleh David L. Sills,

> "It is evident that public concern with this problem has increase in most countries especially since world war two". (International Encyclopedia of social science, vol. 4, 1968 : 77).

Jadi, jelaslah bahawa masalah jenayah juvena ini mula disedari dan diakui oleh seluruh dunia sebagai salah satu masalah yang serius dan perlu dicari jalan untuk mengurangkan bilangannya yang kian meningkat setiap masa. Kini telah terdapat berbagai-bagai kajian yang telah dijalankan ke arah matlamat tersebut .....

> "Many attempts have been made in the professional literature dealing with the varieties of asocial and antisocial behaviour to classify than by the way of analyzing their causes or clinical picture". (Amos W.E.; 1967).

## 1.2 Bidang dan Tumpuan Kajian

Pengkaji akan cuba menilai sama ada pengaruh ikatan masyarakat ke atas seseorang individu itu akan mempengaruhi tingkahlakunya. Dengan erti kata, pengkaji ingin melihat punca-punca yang mempengaruhi seseorang kanak-kanak itu terlibat dengan jenayah berdasarkan pada pengaruh dan persepsinya terhadap orang-orang di sekelilingnya. Di dalam kajian ini, pengkaji hanya menumpukan perhatiannya ke atas kumpulan pesalah juvena dari Sekolah Tunas Bakti Taiping (STBT). Mereka adalah merupakan pesalah-pesalah yang telah diperintahkan oleh pihak Mahkamah Budak-budak (di bawah Akta 90 dalam Undang-undang Malaysia iaitu Akta Mahkamah Budak-budak 1947) untuk menjalani pemulihan.

Penekanan telah dibuat ke atas faktor-faktor yang menjadi punca kepada tingkahlaku penyelewengan yang wujud dalam masyarakat. Faktor-faktor yang akan dibincangkan kelak adalah dalam bentuk kawalan-kawalan sosial dan kemudahan-kemudahan (bagi menggalakkan lagi jenayah) yang didapati banyak mempengaruhi kehidupan kanak-kanak, khususnya anak-anak Melayu.

Dalam melihat faktor-faktor yang mempengaruhi seseorang remaja itu melakukan jenayah, penulis telah menggunakan pendekatan teori Kawalan Sosial. Pengkaji cuba membuat rumusan kenapa seseorang kanak-kanak lelaki itu boleh terlibat dengan jenayah, berdasarkan kepada

darjah kawalan-kawalan sosial yang dihadapinya. Latar belakang responden dan keluarganya telah dijadikan asas untuk melihat sama ada wujud satu korelasi yang bercorak kualitatif dan kuantitatif yang menjadi punca mereka melakukan jenayah. Jadi, antara perkara-perkara yang cuba dilihat dan dikaitkan dengan responden-responden ialah ikatan sosial mereka terhadap keluarga dan masyarakat sekeliling berdasarkan kepada elemen-elemen seperti penglibatan (commitment), partisipasi (involvement), pertalian (attachment) dan kepercayaan konvensional (conventional belief). Dengan erti kata lain, pengkaji akan melihat bagaimana latar belakang hubungan kekeluargaan dan masyarakat serta bentuk-bentuk pergaulan dan kebebasan yang diperolehi oleh pesalah-pesalah juvena sebagai dapat mempengaruhi seseorang kanak-kanak itu terlibat dengan jenayah.

## 1.3 Tujuan Utama Membuat Kajian

Pengkaji ingin mencari punca sebenarnya yang mempengaruhi seseorang kanak-kanak itu melakukan 'penyelewengan'. Dalam kajian ini pengkaji akan berpegang kepada satu pendekatan yang khusus iaitu bentuk-bentuk kawalan sosial yang dilalui oleh pesalah-pesalah juvena. Pengkaji akan cuba melihat apakah benar masyarakat dan keluarga berperanan di dalam mendorong seseorang kanak-kanak itu melakukan jenayah. Maka matlamat kajian ini adalah untuk memperolehi satu pemahaman yang lebih jelas mengenai sebab-sebab kenapa seseorang remaja itu menjadi 'nakal' atau terlibat dengan jenayah. Pengkaji ingin membuat satu korelasi antara latar belakang sosial dan hubungan kekeluargaan antara pesalah juvena dengan jenayah yang dilakukannya bagi mengetahui perbezaan-perbe-

zaan antara mereka dan rakan-rakan sebaya (peer groups) yang bukan penjenayah.

Pengkaji juga mendapati tidak terdapat banyak kajian tentang masalah ini yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji tempatan. Walaupun ada kajian yang telah dilakukan namun bilangannya tidak dapat dibanggakan lagi. Biasanya kajian-kajian tersebut hanya dilakukan oleh pihak-pihak yang berkaitan sahaja, misalnya oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat, pensyarah-pensyarah universiti dan beberapa orang penuntut universiti yang berminat. Namun begitu, penekanan mereka bukanlah secara totalistik. Mereka hanya menekankan tentang aspek-aspek yang menarik minat mereka sahaja. Terdapat juga rencana-rencana di dalam makalah-makalah dan akhbar-akhbar tentang jenayah juvena, antaranya ialah majalah 'Female'[2]. Persoalan ini jugalah yang mendorong pengkaji menjalankan satu kajian mengenai masalah jenayah juvena yang kian meningkat.

Pendek kata tujuan pengkajian ini adalah berdasarkan kepada matlamat:

(a) Untuk menguji sejauh mana benar faktor-faktor ikatan sosial itu mempengaruhi dan menjadi punca kepada perlakuan jenayah atau penyelewengan di kalangan remaja. Walaupun mungkin pada mulanya

---

[2] Artikel-artikel yang terdapat di majalah 'Female' keluaran bulan Oktober dan November 1984.

mereka takut atau tidak yakin untuk melakukannya tetapi terdapat faktor-faktor tertentu yang mendorong dan menguatkan hatinya untuk terus melakukan jenayah.

(b) Untuk memenuhi syarat-syarat bagi memperolehi Ijazah Sarjana Muda pengkaji.

(c) Untuk menambahkan lagi sumber-sumber kajian mengenai masalah jenayah juvena yang telah ada memandangkan perhatian yang diberikan ke atasnya adalah terlalu kurang.

## 1.4 Responden-responden Pengkaji

### A. Responden atau sampel yang dipilih

Dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan dua kumpulan responden iaitu pesalah juvena dan bukan pesalah juvena. Untuk memperolehi maklumat-maklumat yang diperlukan, pengkaji telah memilih 60 orang responden iaitu 30 orang pesalah juvena dan 30 lagi bukan pesalah. Responden-responden yang mewakili pesalah juvena adalah terdiri dari penghuni di STBT iaitu sebuah sekolah akhlak bagi lelaki di bawah umur 17 tahun. Responden-responden bukan pesalah juvena pula adalah terdiri dari kanak-kanak atau remaja lelaki yang masih belajar atau bekerja.

Perlu diingatkan bahawa walaupun pengkajian hanya dibuat ke atas pesalah juvena di STBT, tetapi mereka berasal dari negeri-negeri di sekitar Malaysia. Secara tidak langsung sampel yang dipilih oleh pengkaji diharap dapat mewakili keperluan kajian. Tujuan pemilihan dua

University of Malaya

kumpulan responden tersebut adalah untuk mendapatkan satu 'findings' atau jawapan yang jelas mengenai masalah jenayah juvena ini. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji menetapkan responden dari STBT sebagai mewakili kumpulan eksperimen sementara responden bukan pesalah juvena sebagai kumpulan kawalan. Pemilihan yang telah dibuat ke atas dua kumpulan tersebut adalah dilakukan setepat atau sejitu yang mungkin supaya pengkaji dapat memperolehi jawapan yang lebih tepat dan boleh dipertanggungjawabkan.

B. Jenis-jenis jenayah yang dilakukan

Terdapat berbagai-bagai jenis dan bentuk jenayah di Malaysia. Di sini pengkaji membahagikannya kepada lima kategori yang utama, iaitu:

1. Berhubung dengan dadah - menjual dadah
   - menyimpan dadah
   - membuat kartus/pembungkus dadah

2. Jenayah sivil - merayau lewat jam 12 malam
   - (bekerja) mencuci kereta tanpa kebenaran dari pihak yang berkenaan
   - kemalangan motosikal tanpa lesen memandu
   - menjual tiket wayang secara pasar gelap
   - membawa senjata (kapak) lewat jam 12 malam

3. Jenayah terhadap manusia - merogol
   - bergaduh dan berkelahi
   - bunuh dengan sengaja/tidak sengaja
   - menganiayai atau berlaku kejam

4. Jenayah terhadap harta benda - rompakan
- penyeluk saku
- pecah-rumah (siang/malam)

5. Berjudi di tempat yang terbuka.

Walau bagaimanapun, kes-kes jenayah yang sering dilakukan oleh pesalah-pesalah juvena bukanlah kes yang extreme atau berat. Misalnya, kes-kes jenayah juvena yang sering dilakukan adalah seperti yang terdapat di dalam Jadual 1.1 (kes-kes jenayah di STBT).

Jadual 1.1

Bilangan Kemasukan Kes-kes Baru Mengikut Penjenisan Kesalahan Bagi Tahun 1983

| Jenis-jenis Jenayah | Melayu | Cina | India | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| Bersabit dengan harta benda | 34 | 8 | 20 | 62 |
| Bersabit dengan manusia | 1 | | 1 | 2 |
| Kesalahan jantina | | | | |
| Judi | | | | |
| Bersabit dengan dadah | | 1 | | 1 |
| Trafik | | | | |
| Melanggar undang-undang kecil perbandaran | | | | |
| Melanggar akta kastam dan eksais | | | | |
| Lain-lain - lari dari yayasan | | | | |
| Kes jagaan dan perlindungan (Seksyen 36) | | 1 | | 1 |
| Kes tidak terkawal (Seksyen 37) | 1 | 1 | 2 | 4 |
| Jumlah | 36 | 11 | 23 | 70 |

University of Malaya

Dari Jadual 1.1, dapat diperhatikan bahawa jenis kesalahan yang banyak dan kerap dilakukan ialah kes-kes yang bersabit dengan harta benda. Ini termasuklah kes-kes seperti pecah rumah, merompak dan mencuri. Oleh itu dalam kajian ini, fokus pengkaji hanyalah kepada pesalah yang melakukan jenayah terhadap harta benda. Maka dari 34 orang pesalah tersebut hanya 30 sahaja dipilih secara simple random. Hal ini secara tidak langsung memudahkan kerja pengkaji menemui dan berbual dengan mereka.

C. Taburan umur responden

Untuk memudahkan pemilihan dan matching umur dijalankan ke atas pesalah dan bukan pesalah juvena, pengkaji telah menetapkan umur responden antara 12 - 18 tahun[3]. Pengkaji terpaksa menggunakan taburan umur sedemikian memandangkan rata-rata umur penghuni di STBT adalah antara umur 13 - 17 tahun. Tambahan pula peringkat umur begini dapat dianggap sebagai tingkat perkembangan dan peralihan atau perubahan individu dari alam kanak-kanak ke alam dewasa.

D. Tempat asal responden

Dari segi tempat asal responden pengkaji juga telah membahagikannya kepada dua bahagian, baik bagi pesalah juvena mahupun bukan pesalah juvena. Bahagian yang dimaksudkan ialah responden-responden yang berasal dari kawasan luar bandar dan bandar. Pengkaji menganggap

---

3 Sesuai dengan definisi juvena nakal yang tercatit dalam Undang-undang Mahkamah Juvena iaitu, "a person who has attained the age of criminal responsibility prescribed in Section 82 of the Penal Code and is under the age of eighteen".

tempat asal atau tempat mereka dibesarkan amat penting kerana secara tidak langsung ianya mempengaruhi cara dan corak pemikiran seseorang itu. Dalam Jadual 1.2, pengkaji telah membandingkan jumlah dan peratusan bagi responden delinkwen terhadap tempat asal mereka iaitu sama ada bandar atau luar bandar.

Jadual 1.2

Tempat Asal Responden (STBT)

| Kawasan (luar bandar/bandar) | Bil. Responden | % |
|---|---|---|
| Bandar | 14 | 47 |
| Luar bandar | 16 | 53 |
| Jumlah | 30 | 100 |

Di dalam Jadual 1.2 dapat dilihat bahawa 53% dari responden pengkaji adalah mereka yang berasal dari bandar. Walaupun hanya 47% sahaja dari responden pengkaji yang berasal dari luar bandar, namun ini tidak bererti bahawa kes-kes jenayah di bandar adalah lebih rendah kerana 47% masih merupakan satu jumlah yang agak besar juga.

E. Jantina responden

Pengkaji hanya memilih responden dari kaum lelaki sahaja kerana ini lebih memudahkan baik dari segi menganalisa mahupun dari segi menemui pesalah juvena tersebut. Ini adalah kerana tempat tinggal pengkaji adalah lebih hampir dengan sekolah pemulihan akhlak lelaki (STBT).

Di samping itu juga kesan psikologikal antara juvena nakal lelaki dan perempuan adalah berbeza. Ini berkemungkinan menjadikan analisis pengkaji tidak begitu jitu dan complicated. Oleh itu pengkaji merasakan adalah memadai jika kajian hanya ditumpukan kepada pesalah juvena lelaki sahaja.

F. Bangsa responden

Pengkaji hanya memilih satu kumpulan ras atau bangsa dalam kajian ini demi untuk memudahkan penganalisaan dibuat. Pengkaji telah memilih responden dari bangsa Melayu dengan erti kata beragama Islam. Menurut Freedman;

> "A Malay is an individual who speak the Malay Language, a muslim and display a culture which, for all its variations, is clearly recognizable". (Pacific Affairs vol. 33, no. 2, June 1960 : 159).

Freedman mengatakan bahawa seseorang yang dikatakan Melayu itu adalah mereka yang bertutur dalam bahasa Melayu, menganut agama Islam dan mengamalkan berbagai-bagai adat-istiadat Melayu. Ini dapat disamakan dengan istilah yang diberikan oleh Perlembagaan Malaysia.

Tujuan pengkaji menumpukan hanya pada kaum Melayu yang beragama Islam sahaja adalah untuk melihat sama ada pengaruh agama berperanan di dalam masalah sosial ini. Hal ini dianggap penting oleh pengkaji memandangkan agama Islam adalah satu agama yang suci yang menegah segala bentuk kejahatan dan penindasan.

## 1.5 Teknik-teknik Penyelidikan Yang Digunakan

Kajian secara *field work* ini telah dijalankan mulai awal bulan Mei hingga akhir bulan Jun 1984. Pengkaji telah menggunakan berbagai teknik dalam pengkajian ini. Antaranya ialah teknik soal-selidik, pemerhatian, temubual, penggunaan fail-fail peribadi penghuni dan *library research*.

### A. Penggunaan fail-fail peribadi penghuni STBT

Pengkaji telah memulakan kajian dengan melihat dan menyemak fail-fail peribadi pesalah juvena. Fail-fail tersebut diperolehi daripada Pegawai Kebajikan Masyarakat yang bertugas di STBT. Tujuan penyemakan fail-fail ini adalah untuk memperolehi maklumat tertentu yang berkaitan dengan para responden. Di dalamnya tercatat beberapa perkara mengenai sejarah latar belakang responden. Ini termasuklah latar sosio-ekonomi dan hubungan kekeluargaan mereka. Juga, terdapat keterangan-keterangan seperti tempat asal mahkamah yang menjatuhkan hukuman dan kesalahan-kesalahan yang pernah mereka lakukan.

Walau bagaimanapun, pengkaji mendapati maklumat-maklumat yang terdapat di dalam fail-fail tersebut adalah tidak mencukupi dan kadangkala agak mengelirukan. Jadi, untuk mendapatkan keterangan yang lebih jelas, pengkaji terpaksa menemubual responden-responden tersebut.

### B. Soal-selidik

Setelah mendapati bahawa maklumat-maklumat yang tercatat di dalam fail-fail tersebut adalah tidak mencukupi, maka, pengkaji terpaksa pula bersemuka dengan responden-responden berkenaan. Oleh itu teknik

University of Malaya

soal-selidik terpaksa digunakan. Teknik ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu soal-selidik berstruktur dan soal-selidik tidak berstruktur.

Dalam teknik ini pengkaji telah menyediakan satu senarai soalan-soalan. Ianya juga dikenali sebagai interview schedule di mana pengkaji memberi senarai soalan kepada responden dan jawapan dari responden ditulis oleh pengkaji sendiri. Soalan-soalan yang disediakan adalah yang berbentuk tertutup (close ended) dan terbuka (open ended). Jadual atau senarai soalan yang disediakan adalah untuk mengutip data-data dari responden yang berjumlah seramai 60 orang (kumpulan eksperimen dan kawalan).

Tujuan penggunaan teknik ini juga adalah untuk memudahkan pengkaji membuat satu analisis yang jelas berdasarkan kepada soalan-soalan yang sama ke atas kedua-dua kumpulan responden. Dengan cara begini, satu bentuk jawapan yang seragam akan diperolehi. Justeru itu pengkaji akan dapat memperolehi data yang benar-benar tepat, valid dan sesuai dengan tajuk kajian. Soalan-soalan yang bersifat bias dan mengelirukan responden akan dapat diminimakan. Jadual soalan-soalan tersebut telah dibahagikan kepada lapan bahagian:

(A) Pertanyaan umum

(B) Hal peribadi

(C) Pengaruh persekitaran

(D) Hubungan dengan keluarga

(E) Pelajaran agama (Islam)

(F) Sikap anda terhadap kekayaan, masyarakat dan hiburan

(G) Sikap anda terhadap jenayah

(H) Pandangan anda tentang sahabat.

Perlu diingatkan bahawa set-set soalan yang sama telah digunakan ke atas kedua-dua kumpulan responden (kumpulan eksperimen dan kawalan). Sekiranya pengkaji mendapati adanya soalan yang difikirkan tidak sesuai pada salah satu kumpulan tersebut, maka soalan yang berkenaan tidak akan ditanya. Dengan erti kata lain, hanya soalan-soalan yang releven sahaja ditanya.

Ada kalanya pula pengkaji akan bertanya soalan-soalan yang tidak tercatat di dalam senarai soalan tersebut secara spontan. Tujuannya adalah untuk mendapatkan maklumat sampingan yang difikirkan tidak kurang juga pentingnya. Tambahan pula cara begini dapat mewujudkan satu rasa persefahaman dan kemesraan antara pengkaji dan responden. Ini secara tidak langsung menarik minat responden menjawab soalan-soalan yang agak peribadi dengan lebih terbuka dan tepat. Pengkaji mendapati bahawa ada responden-responden yang lebih suka bercerita tentang diri dan keluarga mereka jika soalan itu ditanya secara sambil lewa atau spontan. Seringkali juga didapati soalan-soalan yang telah ditetapkan dan memerlukan jawapan yang khusus, tidak menarik minat mereka. Oleh itu penyelewengan dari jadual soalan yang telah disediakan itu kadangkala dirasakan perlu demi untuk menguji kebenaran dan kesahan keterangan-keterangan.

C. Temubual

Di samping teknik soal-selidik yang telah dijalankan, pengkaji juga telah menggunakan teknik temubual secara bebas atau secara spontan dengan beberapa orang yang difikirkan dapat memberi maklumat-maklumat tertentu berkaitan dengan tajuk kajian ini. Temubual ini juga dibahagikan kepada dua bahagian iaitu temubual secara formal dan tidak formal. Temubual secara formal ialah di mana pengkaji telah menetapkan tempat dan waktu yang khusus sementara temubual tidak formal boleh dijalankan bila-bila masa (tempat atau waktu tidak ditentukan terlebih dahulu) walaupun sambil-sambil minum. Antara mereka yang telah ditemubual oleh pengkaji ialah:

1. Temubual formal

(a) temubual dengan pengetua STBT

(b) temubual dengan Pegawai Akhlak atau Pegawai Kebajikan Masyarakat di Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Larut dan Matang.

2. Temubual (tidak formal)

(a) temubual dengan dua orang informent - bekas penjenayah juvena atau lebih tepat lagi bekas penagih dadah.

(b) temubual dengan Pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat yang bertugas dan bertanggungjawab ke atas setiap responden.

University of Malaya

Secara tidak langsung, mereka ini terutamanya dari bekas pesalah juvena dan Pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat adalah merupakan key informent kepada pengkaji. Salah seorang dari bekas delinkwen tersebut adalah juga merupakan informent kepada pihak polis.

D. 'Library Research'

Pengkaji juga telah menggunakan beberapa bahan bacaan yang difikirkan sesuai untuk digunakan dalam kajian ini, misalnya dari buku-buku, latihan-latihan ilmiah dan rencana-rencana. Bahan-bahan tersebut diperolehi dari berbagai-bagai sumber. Tujuan library research ini adalah untuk memberi clue kepada pengkaji tentang fakta-fakta asas yang berkaitan dengan topik kajian.

1.6 Kesulitan-kesulitan Yang Dihadapi Semasa Menjalankan Kajian

Pengkaji telah menghadapi berbagai kesulitan semasa dan sebelum menjalankan kajian. Kesulitan-kesulitan tersebut dapat dimasukkan ke dalam dua kategori iaitu:

(a) Kesulitan yang dihadapi oleh pengkaji sendiri;

(b) Kesulitan yang dihadapi oleh responden.

Secara tidak langsung, kesulitan yang ditimbulkan dari kategori kedua telah memberi kesan serta menimbulkan kesulitan pula kepada pengkaji.

Antara kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh pengkaji sendiri ialah di mana sebelum kajian dapat dilakukan ke atas responden STBT, terlebih dahulu pengkaji terpaksa meminta kebenaran dari pihak Kementerian Kebajikan Masyarakat (di Kuala Lumpur). Ini telah melewatkan jadual

yang ditetapkan oleh pengkaji kerana pengkaji terpaksa menunggu agak lama akan jawapan kebenaran tersebut dari pihak atasan walaupun pihak Jabatan Kebajikan Taiping membenarkannya. Tetapi untuk menemui pesalah di STBT terpaksalah menunggu green light dari Kementerian Kebajikan Pusat.

Pengkaji juga terpaksa menghadapi kesulitan kenderaan untuk ke STBT. Walaupun pengkaji tinggal di bandar yang sama dengan lokasi STBT, namun bas yang melalui jalan untuk ke sana agak terhad, jadi terpaksalah pengkaji berjalan kaki untuk ke sana yang mana mengambil masa lebih kurang 25 minit. Tetapi sebelum itu pengkaji terpaksa juga mengambil bas dari tempat tinggal pengkaji (yang mana jadualnya tidak tetap) dan ini menimbulkan masalah untuk ke bandar Taiping terlebih dahulu. Sebenarnya terdapat perkhidmatan teksi untuk ke sana tetapi pengkaji ingin menjimatkan perbelanjaan memandangkan pengkaji tidak menerima apa-apa bantuan dalam kajian ini.

Pengkaji telah menggunakan senarai soalan yang sama ke atas responden pesalah dan bukan pesalah juvena. Jadi, terdapat soalan-soalan yang tidak sesuai untuk ditanya kepada responden dari kumpulan tertentu. Jadi, pengkaji terpaksalah mengubah-suaikan sedikit soalan-soalan tersebut agar satu set maklumat-maklumat yang diperlukan dan releven boleh diperolehi.

Pengkaji juga menghadapi kesulitan dengan responden-responden yang 'terlalu bekerjasama'. Biasanya awal-awal lagi pengkaji telah menetapkan bilangan responden yang akan ditemubualnya dalam sehari. Misal-

nya, setiap responden diberi masa 30 minit, tetapi apa yang sering terjadi dan ini menimbulkan kesulitan ialah ada responden yang 'terlalu ghairah' untuk bekerjasama dalam menceritakan tentang diri dan keluarga mereka, seolah-olah meminta simpati dari pengkaji. Hal begini menyebabkan pengkaji terpaksa mengambil masa lebih dari 30 minit yang telah ditetapkan. Namun pengkaji tetap juga mendengar cerita-cerita tersebut kerana ianya mungkin merupakan maklumat yang penting. Secara tidak langsung bilangan responden yang ditemui untuk hari tersebut juga akan berkurangan, iaitu jadual kajian pengkaji juga tergugat. Walau bagaimanapun, pengkaji terpaksa menghadapi kesulitan ini dan cerita yang diluahkan mereka demi untuk menjalinkan hubungan baik dengan responden-responden.

Kesulitan yang dihadapi oleh responden-responden khususnya di STBT ialah tidak memahami soalan. Ini adalah kerana ramai di antara mereka yang masuk ke STBT mempunyai taraf pelajaran yang rendah malah ada yang buta huruf. Dalam hal ini pengkaji sendiri terpaksa membaca dan menerangkan maksud soalan tersebut beberapa kali kepada mereka. Mereka susah hendak memahami kehendak soalan. Mereka sering membuat interpretasi yang salah ke atas soalan-soalan yang dikemukakan. Jadi, pengkaji terpaksa mengambil masa yang lebih untuk menerangkan maksud soalan kepada responden-responden. Secara tidak langsung ini juga telah melengah-lengahkan masa pengkaji.

Pengkaji juga merasakan bahawa beliau telah mengganggu jadual perjalanan pelajaran penghuni-penghuni di STBT. Ini disebabkan pengkaji ditempatkan di sebuah bilik khas (merupakan bilik rihat pegawai-pegawai

yang bertugas) dan di situlah segala temubual dijalankan. Jadi, setiap responden yang dipanggil terpaksa datang ke bilik tersebut. Ini seolah-olah mengganggu para responden tersebut yang kadangkala sedang belajar atau bekerja. Walaupun Pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat yang bertugas dengan baik hati membenarkan responden-responden dipanggil untuk ditemuduga tanpa mengira di mana mereka berada, namun pengkaji merasa agak kesal kerana terpaksa mengganggu mereka. Walau bagaimanapun keadaan ini tidak dapat dielakkan demi untuk mempercepatkan kajian dilakukan.

Walaupun pengkaji tidak menghadapi masalah yang banyak dengan responden bukan pesalah juvena tetapi kadang-kala pengkaji merasakan mereka ini lebih bersikap 'jual mahal' apabila hendak ditemubual. Berbagai alasan yang diberikan untuk melarikan diri dari pengkaji atau mengelakkan diri dari menjawab soalan-soalan yang dikemukakan. Ada juga yang menunjukkan sikap 'tunjuk pandai' dengan pengkaji. Walau bagaimana keadaan sekalipun pengkaji terpaksa meneruskan kajiannya dan bertemu dengan responden-responden, walaupun mereka tidak suka. Pengkaji terpaksa bersikap muka tebal. Keadaan ini berbeza dari penghuni STBT kerana mereka seolah-olah telah diwajibkan menjawab soalan-soalan yang dikemukakan kerana jika tidak, akan dimarahi oleh pegawai-pegawai yang bertugas. Ini sebenarnya merupakan satu disiplin ke atas pesalah juvena; iaitu harus menghormati orang yang lebih tua.

Pengkaji juga mendapati ada responden-responden yang tidak berminat untuk menjawab soalan-soalan tertentu, misalnya tentang sama ada

mereka masih merokok atau mengambil dadah dan sebagainya. Ini mungkin didorong oleh perasaan takut sekiranya maklumat yang mereka berikan itu kelak sampai ke pengetahuan pengetua STBT. Ada juga responden-responden yang tidak berminat dan menunjukkan sikap bosan terhadap soalan-soalan yang ditanya. Ini mungkin kerana mereka tidak memahami soalan dan merasakan masa 30 minit yang ditetapkan itu dirasakan terlalu lama sehinggakan mereka menjadi gelisah.

Kesulitan yang sering dihadapi oleh pengkaji ialah ketidaksahihnya jawapan yang diberikan. Kemungkinan maklumat yang mereka berikan adalah tidak tepat terutamanya tentang latar belakang dan hubungan kekeluargaan mereka. Mereka seolah-olah cuba membina atau create satu jawapan yang terlalu ideal daripada realitinya. Hal ini akan memberikan kesan yang tidak realistik dalam data pengkaji dan seterusnya menimbulkan kesulitan dalam penganalisaan.

Kesulitan terakhir yang dikira penting juga ialah tidak terdapatnya ramai penulis dan pengkaji tempatan yang berminat tentang kesulitan sosial ini. Yang adapun hanyalah terlalu sedikit dan tidak dapat dibanggakan. Jadi, pengkaji terpaksa merujuk kepada hasil-hasil penulisan pengkaji-pengkaji barat yang mana tidak dapat diapplikasikan 100% ke atas jenayah juvena di Malaysia. Maka, kesulitan ketandusan bahan penulisan tempatan telah menimbulkan satu lagi kesulitan kepada pengkaji.

1.7 Kesimpulan

Tujuan bab ini adalah untuk memperkenalkan rangka kajian yang telah digunakan dalam kajian ini, serta kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh pengkaji semasa menjalankan kajian. Butir-butir yang tercatat di dalam tesis ini adalah merupakan hasil dari satu kajian atau penyelidikan yang dibuat ke atas beberapa hipotesis dari Teori Kawalan Sosial tentang faktor-faktor yang mungkin mempengaruhi kepada perkembangan jenayah juvena atau lebih khususnya jenayah terhadap harta benda.

Walau bagaimanapun, perlulah diingatkan bahawa faktor-faktor yang mempengaruhi jenayah juvena ada berbagai-bagai. Malahan terdapat banyak faktor-faktor yang berkait atau berkorelasi dalam mendorong seseorang kanak-kanak itu ke lembah jenayah. Willian A. Belson pernah mengatakan bahawa;

> "In referring to a causal factors, there is no suggestion that it is a 'sole-cause' - only that it contributes, as one of many factors, to the development of stealing". (Belson W.A., 1975 : ix)

Jadi, jelaslah kepada kita bahawa terdapat berbagai-bagai faktor dan punca kepada kesulitan jenayah juvena ini. Ramai pengkaji-pengkaji barat telah menggunakan pendekatan yang tertentu dalam melihat pengaruh-pengaruh tersebut. Oleh itu dalam bab-bab yang seterusnya akan diperkatakan tentang konsep-konsep yang berkaitan serta faktor-faktor yang mempengaruhinya.

# BAB II

## JENAYAH JUVENA

Masalah kenakalan ramaja atau jenayah juvena sering dipersoalkan. Apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan jenayah juvena itu? Telah timbul berbagai-bagai definisi dalam menghuraikan erti jenayah juvena. Semakin ramai pengkaji baru muncul, semakin galak kita dapati definisi yang diberikan adalah berbeza-beza, tetapi pokok persoalannya tetap sama iaitu perlakuan yang menyeleweng dari norma-norma masyarakat. Ahli-ahli psikologi, psikitri dan sosiologi telah turut sama memberikan definisi mereka masing-masing. Penerangan konsep jenayah juvena adalah bersifat fleksibel dan setiap pengkaji akan memberikan definisinya mengikut persepsi masing-masing.

### 2.1 Definisi Konsep Penjenayahan Juvena

Berbagai-bagai definisi telah wujud dalam memberi konsep jenayah juvena. Namun, masih tiada satu definisi khas baginya. Ini mungkin diakibatkan dari berbagai-bagai tanggapan oleh pakar-pakar yang terlibat dalam masalah sosial ini. Menurut Paul W. Tappan, antara sebab-sebab kenapa sukar dibuat satu definisi yang boleh dipersetujui ramai adalah akibat dari pertentangan review mereka yang terlibat. Menurutnya lagi,

> "Agreeing on a precise definition of juvenile delinquency is perhaps the most complex issue faced by those who must deal with the problem". (Knudten R.D. Schafer S., 1970 : 29).

Alan R. Coffey (Coffey A.R., 1975) juga mempunyai pendapat yang sama mengenai masalah tersebut. Menurut Kassebaum pula;

> "Juvenile delinquency is too precise a term to convey clear meaning. It is label for many different act and condition .... children commit offences of many different types". (Kassebaum G., 1974 : 1).

Oleh kerana jenayah juvena merupakan konsep yang 'tidak tetap maksudnya', maka wujud berbagai-bagai definisi yang berbeza di dalam menghuraikan ertinya. Sungguhpun berbeza, inti konsepnya tetap sama iaitu mengenai budak-budak yang berkelakuan menyeleweng dari norma-norma masyarakat atau 'nakal' dari segi undang-undang. Untuk menjamin agar kita tidak terlari dari tujuan dasar kajian, terlebih dahulu perlu diketahui beberapa istilah yang berkaitan dengan jenayah juvena secara ringkas.

Budak-budak

Menurut Akta Mahkamah Budak-budak 1947, konsep budak-budak dibahagikan kepada tiga kategori berdasarkan kriteria umur:

1. Kanak-kanak (child) - budak-budak yang telah berumur tidak lebih dari 14 tahun.
2. Remaja (juvenile) - budak-budak yang berumur 10 - 18 tahun.
3. Orang muda (young person) - sesiapa yang telah mencapai umur 14 tahun tetapi di bawah 18 tahun.

Sebenarnya terdapat berbagai had umur dalam menentukan takrif budak-budak. Di dalam tesis ini, pengkaji merasakan istilah remaja adalah lebih tepat untuk digunakan. Menurut Puan Norata Bahari dari Jabatan Psikologi Kanak-kanak dan Remaja U.K.M. (Femina Selecta, Oktober 1983 : 34), golongan remaja adalah kanak-kanak lelaki dan perempuan yang

berumur antara 13 - 20 tahun atau lebih tepat lagi, yang baru datang haid bagi perempuan dan baliqh bagi lelaki. Menurut ahli psikologi pula, golongan remaja adalah satu kumpulan manusia yang sedang mengalami perubahan dari peringkat kanak-kanak ke peringkat dewasa. Jadi, golongan remaja adalah golongan perantaraan yang memisahkan orang-orang dewasa dari kanak-kanak. Remaja sering dipanggil golongan belia. Ianya berkait erat dengan kehidupan kanak-kanak.

Di peringkat umur begini, remaja sering mengalami alam perubahan dan krisis identiti. Mereka lebih bertindak seperti orang dewasa walaupun pada hakikatnya mereka belum tahu apa-apa tentang masalah remaja. Pakar psikologi berpendapat, ego para remaja ketika ini adalah lebih kuat. Apabila ego tercabar atau kehendak hatinya gagal diperolehi, maka akan timbul satu ketegangan yang boleh memungkinkan berlakunya perlakuan kurang sopan dan kadang-kala anti-sosial. Pada peringkat ini jugalah jika mereka didorong oleh pergaulan dan persekitaran yang tidak sihat, mereka akan mudah terjerumus ke lembah jenayah.

Justeru itu, pembentukan sikap seseorang individu, peribadi, sasiah dan nilai masyarakat adalah ditentukan oleh faktor-faktor sosialisasi, pendidikan, pengetahuan dan asuhan yang diterima sejak awal lagi. Ini akan mencerminkan perwatakan dan pembawaan kehidupan mereka. Namun, dalam masyarakat tertentu, takrif umur bagi remaja adalah berbeza-beza, bergantung kepada peranan yang dimainkannya. Dalam masyarakat yang simpel misalnya, status dewasa adalah lebih cepat dicapai jika dibandingkan dengan masyarakat yang komplek.

Mahkamah Budak-budak

Mahkamah ini mula terbentuk hasil daripada satu doktrin Inggeris iaitu paren patriae yang bererti The parent of the country. Berdasarkan pada falsafah doktrin ini, apabila satu sistem pemerintahan dan perundangan Barat telah diperkenalkan, Malaysia telah menubuhkan satu akta yang bertujuan memberi perlindungan kepada budak-budak. Maka, dari sinilah mula wujudnya Akta Mahkamah Budak-budak 1947.

Akta Mahkamah Budak-budak 1947 ini sebenarnya mula diperkenalkan pada 1947 tetapi hanya dikuat-kuasakan pada 1-12-1949. Menurut Undang-undang Malaysia, mahkamah ini hanya akan menekankan tentang perihal budak-budak (remaja) sahaja. Jelasnya, Mahkamah Budak-budak adalah;

> "Courts constituted in accordance with this act and sitting for the purpose of hearing any change against a juvenile or for the purpose of exercising any other jurisdiction now or here after to be conformed on juvenile courts by or under this act or by any other written law". (Law of Malaysia Act 90 - 1972).

Jadi, di bawah Ordinan No. 38, Akta Mahkamah Budak-budak 1947, mahkamah tersebut berkuasa untuk membicarakan kesemua kes kesalahan yang dilakukan oleh budak-budak di negara ini yang berumur antara 8 - 18 tahun kecuali kesalahan-kesalahan yang boleh membawa kepada hukuman mati.

Perbicaraan di mahkamah tersebut dibuat di masa yang berasingan dari mahkamah dewasa. Perbicaraannya juga adalah tertutup kepada orang ramai kecuali ibu bapa atau penjaga pesalah, peguam, saksi dan beberapa orang yang terlibat secara langsung dalam kes yang sedang dibicarakan itu. Mahkamah ini diketuai oleh seorang Yang Di Pertua Mahkamah Session

dengan dibantu oleh dua orang penasihat. Jika selepas perbicaraan dijalankan dan ia didapati bersalah, maka ia dianggap sebagai memerlukan perlindungan di bawah Seksyen 12, Akta Mahkamah Budak-budak. Jelasnya, mahkamah ini diberi kuasa penuh di dalam menentukan hukuman dan masa depan mereka yang didapati bersalah.

Maka, di dalam tesis ini, kesemua kes-kes yang diambil adalah tertakluk di bawah Undang-undang Malaysia Akta 90, iaitu Akta Undang-undang Juvena 1947. Setiap responden pesalah juvena yang diambil kesnya adalah terdiri dari remaja yang telah dibawa dan dibicarakan di Mahkamah Juvena.

## 2.2 Pesalah Juvena dan Darjah-darjah Kesalahan

Setelah memahami istilah-istilah di atas, maka adalah agak mudah untuk menerangkan erti Jenayah Juvena ini. Sebenarnya, pengertiannya masih samar-samar lagi sehingga menyebabkan timbulnya berbagai-bagai konsepsi terhadapnya. Kesamaran ini berpunca dari perbezaan konotasi dan definisi di antara kuasa perundangan dengan komuniti tempat tinggal juvena. Berbagai-bagai definisi telah diberikan untuk memahami konsep pesalah dan jenayah juvena ini.

Delikwensi adalah merupakan satu <u>multidimentional problem</u>. Sempadan yang dikenakan dalam menentukan kategorinya adalah bersifat anjal dan sering berubah-ubah mengikut persepsi masyarakat tertentu, sesuai dengan pendapat Don C. Gibbons;

> "The boundaries of the category of delinquency are elastic, stretching and contracting with the changing wind of community opinion". (Gibbons, 1981 : 6).

Menurut kamus Dwibahasa pula, delikwensi bererti kerosakan akhlak, perbuatan jahat dan tidak bertanggungjawab. Sementara juvenile pula bermaksud belum sempurna akal atau belum matang.

Menurut istilah biasa, jenayah juvena merupakan perlakuan nakal oleh remaja sehingga menyebabkan mereka didakwa di mahkamah budak-budak. Perlakuan tersebut adalah bertentangan dengan norma-norma kebiasaan satu-satu masyarakat itu serta melanggar expectation satu-satu masyarakat dalam satu sistem sosial tertentu. Menurut Gibbons lagi delikwensi adalah "A youthful misbehavior that violates legal status". (Ibid : 55)

Walaupun terdapat berbagai definisi jenayah juvena, namun masih juga timbul masalah dalam menentukan siapa atau apakah kriteria yang menentukannya. Namun begitu, undang-undang telah menentukan siapa yang harus digelar pesalah juvena. Berdasarkan perundangan bertulis iaitu Undang-undang Mahkamah Malaysia, Akta Mahkamah Budak-budak 1947 menyatakan bahawa juvena adalah individu yang berumur di bawah 18 tahun iaitu yang telah mencapai umur yang boleh dipertanggungjawabkan dengan jenayah seperti yang tercatit di dalam Seksyen 82, Hukum Kanun Keseksaan. (Law of Malaysia; 1972).

Jadi, pesalah juvena dari sudut undang-undang merujuk kepada remaja yang berumur di bawah 18 tahun yang telah disahkan secara formal didapati bersalah kerana melanggar undang-undang jenayah dan sebarang undang-undang lain. Akibat dari perlanggaran ini remaja berkenaan terpaksa dimasukkan ke pusat-pusat pemulihan akhlak atau diletakkan di bawah pengawasan akhlak.

Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Hal Ehwal Sosial dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah menyimpulkan dua kriteria utama dalam membentuk makna Jenayah Juvena ini iaitu:

(a) Status <u>non-adult</u> individu yang terlibat.

(b) Perlakuan itu dianggap salah mengikut undang-undang tempatan. (M.H. Neumeyer, 1961).

Maka, jelaslah bahawa konsep jenayah juvena mempunyai <u>legal status</u> atau takrif yang sah dari segi undang-undang. Menurut Richard D. Knudten (R. D. Knudten, op. cit 1970), jenayah juvena dari sudut undang-undang diterangkan secara khusus dan tepat iaitu dengan menghuraikan jenis-jenis kesalahan dan hukuman yang bakal dijalankan. Ia juga merujuk kepada perlakuan yang melanggar undang-undang negeri atau lebih jelasnya

> "Which infringe the Federal or State law or of a Municipal Ordinance". (Caven R.S., 1964 : 5).

Apa yang jelas pada kita ialah pesalah juvena adalah remaja di bawah umur yang telah melanggar undang-undang yang telah ditetapkan oleh masyarakatnya. Kesalahan yang dilakukan oleh remaja dan orang dewasa adalah berbeza, baik dari segi jenis mahupun motifnya. Untuk menentukan siapa yang berhak digelar pesalah juvena adalah bergantung kepada takrifannya yang berbagai itu. Tetapi yang jelasnya mereka telah melanggar undang-undang dan melakukan jenayah;

> "A crime is what the law says it is and a criminal is a person convicted of a crime". (West D.J., 1974 : 12).

University of Malaya

Definisi di atas hanya terhad kepada remaja yang ditangkap dan telah dibicarakan di Mahkamah Budak-budak sahaja, pada hal masih terdapat ramai para remaja yang melakukan jenayah tetapi tidak ditangkap. Maka, recorded juvenile delinquency tidaklah boleh digunakan semata-mata sebagai ukuran langsung dalam menentukan bagaimana atau sama ada seseorang itu boleh dilabelkan sebagai pesalah. Untuk itu, beberapa kriteria tertentu perlu diambil kira misalnya dilihat dari segi kekerapan, ketetapan dan versatiliti kesalahan-kesalahan yang dilakukan. Pada amnya budak-budak adalah berbeza baik dari segi gaya mahupun perlakuannya. Untuk melihat dan melebelkan mereka sebagai pesalah juvena atau tidak, amatlah sukar. Pendek kata, terdapat berbagai-bagai pola dan darjah kenakalan di kalangan para remaja dan dari sudut ini jugalah kita akan dapat membuat rumusan.

Berbagai-bagai pendapat dan kontraversi telah wujud dalam menentukan siapa pesalah juvena. Antaranya oleh Edwin Powers dan Helen Witmer yang telah memberikan tiga aspek yang mereka anggap penting dan boleh membezakan pesalah-pesalah juvena. Iaitu

(a) Sejauhmana seriusnya perlakuan tersebut.

(b) Kekerapannya.

(c) Sikap pesalah terhadap masyarakat yang mentaati undang-undang. (Quay H.C., 1965 : 25)

Berdasarkan tiga aspek ini, pesalah juvena boleh pula dibahagikan kepada lima kategori, iaitu:

(a) 'Most delinquent'.

(b) 'Ordinary delinquent'.

(c) 'Least delinquent'.

(d) 'Occasional delinquent'.

(e) 'Seldom delinquent'.

Dari sini pula akan ditentukan jenis-jenis perlakuan yang dianggap 'nakal'. Pihak-pihak berkuasa telah membuat pengkhususan yang amat luas terhadap perlakuan yang dikatakan sebagai nakal. Sebenarnya kesalahan juvena ini ada berbagai-bagai, misalnya, Walter A. Lundon dari United State (W.A. Lundon 1964) telah memberikan 34 jenis kesalahan-kesalahan mengikut susunan darjah kekerapan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pesalah juvena.

Terdapat pengkaji-pengkaji Barat yang telah membezakan antara delinkwen dan bukan delinkwen dengan melihat tanda-tanda yang dihinggapi oleh pesalah. Menurut Albert K. Cohen,

> "Delinquents differs from non-delinquents in that he has frustration, deprivations, insecurities, anxieties, guilt feelings or mental conflict which differ in kind or degree from those of non-delinquent children". (Cohen A.K., 1955 : 15).

Kelihatan Cohen cuba membezakan pesalah juvena dari segi perasaan mereka. Baginya pesalah juvena akan sentiasa merasa keciwa, tertekan, tidak selamat, risau, rasa bersalah serta menghadapi konflik mental yang berbeza dari bukan pesalah juvena.

William C. Kvaraceus dan W. Miller (kvaraceus W. C. & Miller W., 1959 : 54) pula telah menakrifkan jenayah juvena sebagai perlakuan

remaja yang melanggar norma-norma legal yang khusus bagi institusi masyarakat tertentu dengan kadar kekerapan dan kesungguhan yang tinggi. Ia merupakan asas penyediaan yang membolehkan undang-undang dikenakan terhadap individu atau kumpulan tertentu.

Selanjutnya R. A. Cloward dan L. E. Ohlin (Cloward & Ohlin 1960) telah melihat jenayah juvena dari segi perlakuan yang bertentangan dan melanggar norma-norma masyarakat dan boleh dikenakan hukuman-hukuman tertentu ke atas mereka. Paul W. Tappan pula telah melihat takrif jenayah juvena dari dua pendekatan iaitu:

(a) Legal/judicial approach yang bersifat formal.

(b) Case-work/social approach yang bersifat tidak formal dan therapeutic (Knudten & Schafer, 1970).

Konsepsi mengenai delinkwensi kebanyakannya lahir dari dua pandangan ini yang mana kemudiannya pula akan menggambarkan dua tahap dalam Mahkamah Budak-budak iaitu tahap pengadilan kes (adjudication of cases) dan tahap penyeliaan serta arahan tempoh percubaan (probation supervision).

Pesalah juvena dianggap sebagai mereka yang belum matang atau dewasa berdasarkan kepada sistem perundangan tempatan dan mereka ini telah melakukan perbuatan-perbuatan yang menyeleweng dari norma-norma masyarakat. Perlakuan-perlakuan tersebut pula adalah berbeza dari segi frequency, duration dan seriousness masing-masing serta menyeleweng dan bertentangan dengan undang-undang; seperti menurut kenyataan berikut;

> "Many of these youth are flirting with law breaking .... most juvenile offenders engage in episodic acts of law breaking interspread among longer periods of law abiding conduct". (Gibbons; op. cit. 1981 : 8).

Maka, dapat dilihat bahawa terdapat berbagai-bagai cara dan darjah dalam menentukan perlakuan 'nakal' dan ianya secara tidak langsung akan dapat membezakan antara pesalah juvena atau sebaliknya walaupun ia tidak sebegitu tepat. Jelasnya, jenayah juvena merangkumi berbagai bentuk;

> "Juvenile delinquency takes a variety of forms, it is a term covering a wide spectrum of youthful infraction". (Gibbons; Ibid 1981 : 8).

Walau bagaimanapun haruslah diingat bahawa cara dan kekerapan 'perlakuan nakal' bukanlah sahaja penentu bagi pesalah juvena tetapi tempat dan masa harus juga diambil kira.

## 2.3 Teori

Dalam mengkaji masalah sosial ini, berbagai sudut pendekatan telah digunakan. Ekoran dari orientasi pengkaji yang berlainan maka lahirlah berbagai teori yang berbeza. Ramai pengkaji berorientasikan kepada dua pendekatan utama iaitu secara biologikal dan sosiologikal. Secara ringkasnya akan diterangkan inti pendekatan-pendekatan tersebut.

### A. Pendekatan secara biologikal

Melalui pendekatan ini secara redikalnya pesalah juvena dianggap berbeza dari manusia biasa dari segi struktur organik yang menentukan perlakuan devian mereka. Justeru itu jenayah juvena dianggap

sebagai satu fenomena biologi, di mana seseorang itu melakukan jenayah akibat dari kemerosotan dan kecacatan aspek somatik dan psikiknya.

Pendekatan somatologikal adalah berkaitan dengan tubuh manusia. Faktor-faktor somatik menentukan sama ada seseorang itu penjenayah atau sebaliknya. Pendekatan ini merupakan asas dalam mengkategorikan jenis-jenis jenayah dengan menekankan kepada ukuran tubuh dan manipulasi statistiknya. Walau bagaimanapun pendekatan begini telah mengabaikan nilai-nilai moral, etika dan falsafah.

Pendekatan secara psikologikal (psikik) pula berkait dengan faktor-faktor mental dan 'kejiwaan'. Sebenarnya pendekatan ini juga berkait dengan faktor-faktor somatik, tetapi ciri-ciri psikik lebih berpengaruh dalam membentuk seseorang penjenayah daripada ciri-ciri fizikalnya. Sigmund Freud (S. Freud, 1920) misalnya, telah cuba memahami psychodynamic pesalah. Beliau mendapati bahawa perlakuan pesalah berkait rapat dengan bahagian tidak sedar psikiknya, intepretasi tentang bagaimana otak atau fikirannya berfungsi dan penerangan dinamik tentang perkembangan personalitinya. Beliau berpendapat bahawa otak manusia berfungsi berdasarkan kepada id, ego dan superego. Id merupakan dorongan biologi dan instinct, superego merangkumi unsur-unsur kemasyarakatan dan moral sementara ego adalah perantaraan antara id dan superego. Ianya mengintegrasikan keperluan semula jadi dan realiti dalam personaliti manusia. Maka, pada asasnya teori Freud berkisar di sekitar latar pengalaman perhubungan yang tegang antara pesalah dengan apa yang rapat dengannya. Apabila konflik ini tidak dapat dikawal, maka pesalah yang

berkenaan akan memanifestasikan konflik itu ke dalam alam nyata melalui tindakan-tindakan yang bertentangan dengan nilai-nilai serta norma-norma dalam masyarakatnya.

Jelaslah bahawa melalui pendekatan biologikal ini (somatik dan psikik), kelahiran jenayah juvena adalah dari sifat atau diri individu itu sendiri. Penjenayahan adalah merupakan sebagai satu jalan keluar atau solution kepada masalah-masalah psikologikal yang timbul dengan dibantu oleh trait-trait criminal yang telah ada pada pesalah tersebut.

B. Pendekatan secara sosiologikal

Pendekatan secara sosiologikal ini lebih banyak digunakan dalam mengkaji masalah sosial ini jika dibandingkan dengan pendekatan biologikal. Pendekatan ini melihat bagaimana personaliti manusia distrukturkan atau dibentuk melalui hubungannya dengan masyarakat dan persekitaran. Pengkaji akan cuba melihat bagaimana aspek sosial mempengaruhi jenayah juvena.

La Mar Empey (Empey, 1978) telah mengkelaskan teori delinkwensi berdasarkan pengaruh sosial kepada enam kategori. Ekoran dari itu pula, Gibbons, dari kajian-kajian yang telah dijalankannya telah membahagikan pula teori tersebut kepada tujuh kumpulan yang utama iaitu Control Theory, Cultural Deviance View, Strain Theory, Social Learning Theory, Labeling Arguments, Radical Conflict Theory dan Situational Accounts of Delinquency (Gibbons, op. cit. 1981). Walau bagaimanapun kategori oleh Gibbons ini adalah selari dengan yang telah dibuat oleh Empey.

Di dalam tesis ini, pengkaji akan hanya memfokuskan perhatiannya kepada Teori Kawalan Sosial atau lebih khususnya Teori Kawalan (Hirschi T, 1969) yang dipopularkan oleh Hirschi dalam melihat sebab-sebab yang mempengaruhi seseorang remaja itu terdorong ke lembah jenayah.

C. Teori Kawalan

Teori Kawalan oleh Travis Hirschi merupakan salah satu atau subteori Kawalan Sosial yang lebih luas. Melalui teori ini satu penekanan secara relatif serta proses-proses yang menyebabkan berlakunya jenayah juvena dapat dibuat. Teori ini melihat bagaimana masyarakat atau kumpulan-kumpulan sosial mengenakan kawalan ke atas ahli-ahlinya kerana ini adalah merupakan penekanan asas bagi semua ahli-ahli teori kawalan sosial. Pendek kata berdasarkan teori ini, jenayah juvena wujud apabila ikatan sosial atau social bond individu telah terputus. Maka, seseorang itu menjadi penjenayah disebabkan oleh faulty self-images yang dirasainya. Menurut Gibbons (Gibbons, op. cit. 1981) ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa penjenayah adalah terdiri dari mereka yang menderitai low self-esteem, a negative sense of self or insensitivity dan lack a concern for the opinion of others. Oleh itu, kemungkinan jenayah di kalangan remaja timbul dari ketidakupayaan masyarakat mengawal kewujudannya iaitu to effect social control.

Mengikut teori kawalan, seseorang itu bebas untuk melakukan jenayah kerana pertaliannya dengan masyarakat umum telah tiada lagi atau terputus. Ekoran dari ini, remaja tersebut merasakan ia boleh melakukan

apa sahaja yang dirasakannya baik atau berguna baginya walhal perlakuan itu sebenarnya adalah bertentangan dengan pandangan dan kebiasaan masyarakat. Maka, inti utama teori kawalan oleh Hirschi ialah, remaja (tertentu) bebas melakukan jenayah apabila ikatan mereka ke atas conventional social order terpisah dan secara tidak langsung mereka bebas melakukan apa sahaja.

Teori Kawalan Hirschi ini berlegar di sekitar konsep ikatan atau bonds iaitu merujuk kepada ikatan individu terhadap social order dan perlakuan standard yang menentukan kelakuan-kelakuan tertentu. Pada amnya manusia ini adalah bebas melakukan apa sahaja mengikut kehendak hati masing-masing serta bebas melanggar undang-undang sekiranya itu yang mereka kehendaki. Tetapi, telah menjadi satu hal yang tidak dapat dinafikan bahawa setiap manusia yang lahir itu akan terikat dengan conventional order yang ditetapkan oleh masyarakatnya sehingga mereka menjadi tidak bebas. Tanggapan ini dipersetujui oleh ramai pengkaji Barat seperti Merton, Cohen, Cloward dan Ohlin.

Berdasarkan ahli-ahli Teori Kawalan, sekatan dan ikatan yang dikenakan ke atas remaja melalui peraturan konvensional yang telah ditetapkan akan hanya mendatangkan masalah. Remaja tersebut akan merasa tertekan sehingga kadang-kala ia merasa perlu untuk melarikan diri dari sekatan-sekatan tersebut yang mana akhirnya menyebabkan mereka berkelakuan liar iaitu lari dari kehendak-kehendak dan harapan masyarakat.

Untuk memahami teori ini dengan lebih jelas, pengkaji menyertakan sama rajah yang menunjukkan faktor-faktor yang mempengaruhi (kere-

Rajah 2.1




FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KERELAAN DAN KEPUTUSAN UNTUK MELIBATKAN DIRI DENGAN JENAYAH

Garisan penyebab ⟹
Garisan penyebab feedback - - - ->
Garisan contingency ⟶

SUMBER: Steven Box, Deviance, Reality and Society, Holt Rinehart & Winston Ltd. London, 1975 : 153.

PERPUSTAKAAN JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

laan dan keputusan) ke arah perlakuan jenayah di kalangan remaja (Rajah 2.1). Dalam rajah tersebut kelihatan bagaimana seseorang remaja itu boleh terdorong melakukan jenayah berdasarkan kepada keadaan atau faktor-faktor konkrit dan abstrek. Hirschi berpendapat bahawa juvenile's bond terhadap konvensionaliti dibentuk oleh empat elemen yang berkaitan. Elemen-elemen tersebut ialah:

(a) Pertalian (attachment).

(b) Penglibatan (commitment).

(c) Partisipasi (involvement).

(d) Kepercayaan (belief) (Hirschi T, op. cit. 1969).

Elemen-elemen tersebut merupakan bond yang mengikat seseorang individu itu kepada peraturan-peraturan konvensional. Ianya merupakan sebagai penentu kerelaan remaja terhadap jenayah tetapi belum sampai melakukannya lagi.

1. Pertalian (Attachment)

Pertalian di sini merujuk kepada perasaan kasih sayang atau sensitiviti individu terhadap pandangan orang lain atau keteguhan ikatan (hubungan) dengan orang lain, misalnya keluarga, guru-guru dan jiran. Ianya diukur sebagai rasa obligasi dan hubungan sosial ke atas orang lain sebagai penentu tingkahlaku. Individu tanpa pertalian ini dianggap menghadapi psychopath. Teori Kawalan berpendapat bahawa sama ada remaja itu sensitif terhadap pendapat atau kehendak orang lain adalah bergantung kepada kualiti-kualiti hubungan sosial dan bukannya personal attributenya. Ahli-ahli Teori Kawalan mengganggap darjah pertalian

PERPUSTAKAAN
JABATAN ANTROPOLOGI DAN SO...



sebagai faktor yang membantu kepekaan individu ke atas masyarakat. Ia menekankan kepada fluctuating emotional involvement of participants in human relationship. Ini dapat disamakan dengan pandangan Cooley iaitu;

> "The imagination which people have of one another are the solid facts of society". (Box S, 1975).

Maka jelaslah bahawa pertalian merujuk kepada hubungan atau ikatan emosi yang boleh manusia gunakan ke atas satu sama lain, iaitu apabila wujudnya satu set tingkahlaku yang menjadi harapan masyarakat iaitu yang diterima dan dikenali secara inter-subjectively. Sekiranya pertalian tersebut gagal diwujudkan, maka individu itu akan tetap mencari elemen-elemen lain yang dapat dipercayainya. Semakin ramai individu menjadi socially attached maka semakin kurang kemungkinan mereka menentang norma-norma yang telah ditetapkan.

2. Penglibatan (Commitment)

Ia merujuk kepada elemen rasional dalam ikatan sosial, di mana individu tidak akan melakukan aktiviti tertentu melainkan jika ada sesuatu untuk mereka serta yang mengikat mereka. Dengan erti kata ia merujuk kepada ganjaran sosial yang terikat kepada kehendak masyarakat atau social conformity tentang sejauh mana ketaatan individu itu menuruti jalan-jalan perlakuan yang telah ditetapkan ke atasnya. Ianya digambarkan dalam bentuk pelaburan masa dan tenaga dalam gaya hidup, iaitu, bagaimana remaja tersebut telah mencapai gaya hidup yang telah ditetapkan. Menurut Hirschi, penglibatan ini adalah komponen rasional di dalam confirmity

Penglibatan setiap individu adalah berbeza. Sekiranya penglibatan remaja tertentu itu berkurangan ke atas masyarakat, kemungkinan untuk mereka melakukan jenayah juga adalah lebih besar. Walau bagaimanapun kita tidak boleh melihat penglibatan sebagai satu ukuran kuantitatif yang simpel. Tahap penglibatan yang dilihat sebagai ikatan sosial adalah bersifat subjectively assessed.

3. Partisipasi (Involvement)

Partisipasi timbul dari kadar penglibatan. Setiap mod kehidupan mendedahkan manusia kepada kemungkinan-kemungkinan yang berbeza. Partisipasi bermaksud,

> "The construction of our actions demanded by a chosen way of living". (Nettler G., 1978 : 313).

Ianya merujuk kepada jumlah masa seseorang itu mengikuti aktiviti-aktiviti konvensional. Individu yang banyak melibatkan diri dengan aktiviti konvensional, kurang atau tiada masa untuk melakukan jenayah. Misalnya, remaja yang terikat dengan kerja-kerja sekolah, sukan, persatuan dan sebagainya, tiada masa dan kurang minat untuk melakukan jenayah. Menurut Hirschi, semakin tinggi tahap penglibatan sosial individu itu, semakin rendah kemungkinan mereka untuk menentang norma-norma masyarakat.

4. Kepercayaan (Belief)

Ia merujuk kepada kesanggupan manusia menilai dan mempertahankan isu-isu mengenai norma moral dan sosial serta undang-undang yang telah ditetapkan oleh masyarakat. Ringkasnya, ia merujuk kepada sejauh

mana norma-norma masyarakat diinternalisasikan (iaitu kawalan dalam). Sekiranya ramai yang menginternalisasikan norma-norma umum tersebut, maka semakin kuranglah peluangnya untuk mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan. Semakin kurang seseorang itu percaya ia harus patuh kepada undang-undang, semakin tinggi kemungkinannya untuk melakukan jenayah;

> "The less a person believe he should obey the rules the more likely he is to violate them". (Hirschi T., 1969 : 26).

Maka, jelaslah, melalui elemen-elemen yang telah dihuraikan bahawa Teori Kawalan menekankan kepada angkubah moral. Menurut Hirschi, jenayah juvena timbul akibat dari ketidakhadiran kepercayaan yang menghalang jenayah. Beliau telah mengaitkan hubungan antara individu dan masyarakat. Secara tidak langsung, 'ikatan' yang terdapat dalam teori ini dapat disamakan dengan kawalan sosial dalaman dan luaran dalam Teory Containment oleh Reckless (W. C. Reckless, 1961). Kepercayaan merujuk kepada kawalan dalaman sementara pertalian partisipasi dan penglibatan merujuk kepada kawalan luaran. Kepercayaan konvensional akan meningkatkan lagi kawalan dalaman (kepuasan peribadi yang dilahirkan dari penyesuaian dan ketidakpuasan yang dilahirkan dari penentangan terhadap norma-norma tertentu); sementara pertalian, partisipasi dan penglibatan meningkatkan lagi kawalan luaran (ganjaran sosial yang dilahirkan dari penyesuaian dan dendaan ekoran dari penentangan terhadap norma-norma masyarakat).

Apabila pertalian, partisipasi dan penglibatan menjadi lemah serta penentangannya terhadap norma-norma konvensional yang telah ditetapkan, maka dengan mudah remaja tersebut akan menawan rasa atau rela untuk melakukan jenayah. Walau bagaimanapun, remaja tersebut tidak akan berupaya meneruskan aktivitinya tanpa mengambil kira faktor-faktor atau kemudahan-kemudahan dari dimensi konkrit iaitu, kemahiran (skill), rahsia (secrecy), pembekalan (supply), sokongan sosial dan simbolik (social and symbolic support), dan moral holiday. Sekiranya terdapat faktor-faktor ini barulah remaja tersebut (dari kerelaannya) menjelmakan perlakuannya dengan kegiatan jenayah. (Lihat Rajah 2.1). Justeru itu, sama ada benar atau tidak bahawa individu yang mempunyai pilihan untuk melakukan jenayah bergantung kepada sejauh mana dia berhadapan dengan faktor-faktor tersebut.

Ringkasnya, implikasi dari pertalian, penglibatan, partisipasi dan kepercayaan yang minima dan lemah, telah memudahkan remaja tersebut rela (willing) memikirkan untuk melakukan perbuatan-perbuatan yang bertentangan dengan undang-undang. Dengan kewujudan elemen-elemen ini serta diperkukuhkan lagi oleh faktor-faktor kemudahan di atas, maka remaja berkenaan akan menjelmakan kehendak hatinya atau idea-idea untuk melakukan jenayah ke dalam bentuk-bentuk perlakuan jenayah yang konkrit.

Sebenarnya terdapat berbagai-bagai teori lain yang boleh digunakan dalam melihat pengaruh jenayah ini. Antara teori lain yang ada kaitannya dengan Teori Kawalan sosial ialah Strain or motivational theory dan Culture Deviance Theory yang mana masing-masing menunjukkan

bagaimana seseorang remaja itu terlibat dengan jenayah atau menyeleweng kerana kehendak-kehendaknya yang tidak sah dan tidak dapat dipenuhi mengikut kehendak masyarakat sehingga mendorongnya mencari jalan sendiri iaitu terjerumus ke lembah jenayah. Mereka mematuhi atau mengikuti satu set peraturan yang tidak dapat diterima oleh masyarakat konvensional.

## 2.4 Kesimpulan

Masalah jenayah juvena ini meluas di setiap negara. Yang berbeza cuma dari segi kadar jenayah yang dilakukan. Namun secara amnya kita dapati bahawa kadar masalah sosial ini lebih tinggi di negara-negara maju yang mengalami proses industrilasasi dan urbanisasi yang pesat.

Berbagai-bagai takrifan telah diberikan terhadap istilah jenayah dan penjenayah juvena ini. Namun, seperti yang telah disebutkan tadi, untuk memberikan satu spesifikasi yang tertentu tentang erti delinkwensi adalah sukar sekali walaupun berbagai-bagai usaha dan cubaan telah dilakukan. Konsepsi mengenai sesuatu perbuatan nakal menurut pendekatan sosio-logikal adalah berdasarkan kepada sistem nilai yang wujud dalam satu-satu masyarakat. Jelasnya, apa yang dimaksudkan sebagai pesalah juvena itu adalah berbeza-beza bergantung kepada tempat, masa dan anggota satu-satu komuniti itu. Dengan erti kata lain dari sudut undang-undang, pesalah bererti seseorang yang telah melanggar undang-undang negeri tetapi dari segi sosialnya, pesalah tidak hanya terhad kepada mereka yang telah melanggar <u>statutes</u> tetapi merangkumi skop yang lebih luas dari itu.

Begitu juga dengan teori dan pendekatan yang telah digunakan oleh ramai pengkaji untuk melihat masalah sosial ini juga ada berbagai-bagai. Ada yang melihatnya dari sudut diri pesalah itu sendiri dan ada yang melihatnya pula melalui pengaruh persekitaran dan masyarakat. Menurut Cyril Burt;

> "Crime is assignable to no single universal source, not yet to two or three, it springs from a wide variety and unusually from a multiplicity of alternative and converging influences". (Burt C., 1931 : 590).

Jadi dapatlah dirumuskan bahawa terdapat berbagai-bagai teori yang telah digunakan dalam mengkaji masalah jenayah juvena ini. Setiap teori yang dikemukakan itu menekankan kepada aspek-aspek yang tertentu atau dominen sahaja. Walau bagaimanapun, pegangan pengkaji-pengkaji terhadap satu-satu teori itu sering berubah-ubah mengikut validitinya atau kepercayaan masing-masing.

University of Malaya

# BAB 3

# JENAYAH JUVENA DAN IKATAN SOSIAL

Di dalam bab ini pengkaji akan cuba melihat bagaimana kawalan dalam masyarakat boleh mempengaruhi seseorang remaja untuk terlibat dengan jenayah. Seperti yang telah diterangkan dalam Bab 2, pengkaji akan menggunakan Teori Kawalan oleh Hirschi sebagai dasar atau guideline di dalam menganalisa responden-responden dari kalangan pesalah juvena atau faktor yang mendorong seseorang itu menjadi penjenayah. Di dalam bab ini juga pengkaji akan mengemukakan elemen-elemen yang mempengaruhi kerelaan seseorang remaja melibatkan diri dengan jenayah. Ini bererti pada peringkat tersebut, remaja yang berkenaan belum lagi menjelmakan atau mempraktikkan tingkahlaku yang 'nakal' sehingga boleh dianggap sebagai penjenayah juvena. Hanya dalam Bab 4 kelak pengkaji akan mengemukakan bagaimana dari kerelaan, remaja berkenaan mula menjelmakan perlakuan dan mempraktikkan jenayah tersebut.

## 3.1 Jenayah Juvena Dan Kelonggaran Hubungan Kekeluargaan

Famili merupakan institusi dan agen pembentukan utama setiap individu. Ia merupakan unit asas dalam menentukan kelakuan seseorang itu, sama ada ia menjadi seorang yang berguna ataupun sebaliknya. Pendek kata keluarga merupakan faktor penting yang mendorong atau menghalang seseorang ke arah jenayah. Ini memandangkan bahawa keluarga adalah kumpulan sosial yang pertama dalam hayat setiap manusia dalam menuju ke arah kedewasaan. Walaupun di sepanjang jalan kehidupannya ia

mungkin dipengaruhi oleh lain-lain agen sosialisasi yang ditemuinya, namun keluarga tetap menjadi kumpulan sosialnya yang asas dan utama.

Personaliti individu dibentuk oleh keluarganya, memandangkan ia merupakan unsur atau saluran sosialisasi yang terdekat sekali. Dalam hal ini, kawalan, didikan serta kasih sayang dari keluarga amat penting sekali. Kelakuan seseorang remaja itu adalah merupakan pancaran atau refleksi dari keadaan kelakuan keluarganya. Menurut G. Duncan Mitchell;

> "Socialization covers child rearing techniques .... as well as the acquisition of language and co-operation and conflict". (Mitchell (ed) 1970 : 1970).

Proses sosialisasi merupakan satu proses yang kompleks kerana ia merangkumi teknik pemeliharaan anak-anak di samping cara-cara menggunakan bahasa, kerjasama dan konflik. Seseorang individu memperolehi pengetahuan, kemahiran dan budi pekerti yang membolehkannya berinteraksi dalam masyarakatnya, dengan cara yang berkesan dan efektif.

Berdasarkan Teori Kawalan, pengkaji melihat hubungan kekeluargaan dari aspek kelonggaran atau kelemahan dalam elemen pertalian, partisipasi dan penglibatan. Pendek kata, perhubungan dan ikatan kekeluargaan yang longgar berkemungkinan mendorong remaja terlibat dengan jenayah. Kelonggaran fizikal dan kasih sayang pesalah juvena dengan keluarganya mungkin diakibatkan oleh berbagai-bagai sub-faktor. Antaranya ialah bilangan ahli keluarga yang ramai, perceraian ibu bapa (<u>broken homes</u>) dan masalah ibu bapa yang bekerja sehingga mengurangkan kawalan ke atas anak-anak mereka.

University of Malaya

Bilangan adik-beradik

Bilangan ahli keluarga atau adik-beradik yang ramai boleh mempengaruhi seseorang remaja itu berkelakuan 'agak liar', kerana kurangnya pertalian dengan famili masing-masing. 'Ramai' di sini bermaksud lebih daripada empat orang anak, iaitu berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan oleh Lembaga Perancang Keluarga Kebangsaan pada tahun 1966 - 1967. Berdasarkan keterangan-keterangan yang diperolehi dari 30 orang responden dari STBT, ramai daripada mereka didapati mempunyai bilangan adik-beradik yang melebihi empat orang.

Jadual 3.1

Bilangan Adik-beradik Responden

| Bilangan adik-beradik | Pesalah Juvena | | Bukan Pesalah Juvena | |
|---|---|---|---|---|
| (orang) | Bil. | % | Bil. | % |
| 1 - 4 | 10 | 33 | 16 | 53 |
| 5 - ke atas | 20 | 67 | 14 | 47 |
| Jumlah | 30 | 100 | 30 | 100 |

Dari Jadual 3.1, kelihatan bahawa responden dari STBT yang mempunyai bilangan adik-beradik seramai empat orang atau kurang (termasuk diri responden sendiri) hanyalah seramai 10 orang (33%), manakala 20 orang (67%) adalah mereka yang mempunyai adik-beradik lebih dari empat orang. Bilangan atau peratusan ini berbeza dari responden bukan pesalah

juvena, di mana mereka yang mempunyai adik-beradik kurang dari empat orang adalah seramai 16 orang (53%) dan 14 orang (47%) mempunyai lebih dari empat orang.

Ini menunjukkan dengan jelas bahawa bilangan adik-beradik yang ramai boleh mempengaruhi seseorang remaja itu ke arah jenayah. Ini berlaku kerana di dalam satu keluarga yang ramai, setiap anak akan cuba mendapatkan kasih sayang yang terbanyak dari kedua-dua ibu bapa mereka. Malahan dalam perlumbaan untuk mendapatkan kasih sayang ini, individu tersebut terpaksa mengalami perasaan cemburu dan curiga sesama sendiri. Akibat dari rasa cemburu itu juga telah mengurangkan rasa pertalian, partisipasi dan penglibatan dengan adik-beradik atau sibling yang lain sehingga mereka mengasingkan diri. Remaja yang mengasingkan diri ini berpotensi besar akan terlibat dengan jenayah kerana tanpa ikatan sosial mereka seolah-olah terumbang-ambing dan bebas berkelakuan sesuka hati. Ini jelas diperhatikan melalui Jadual 3.2 yang menunjukkan bagaimana hubungan atau kemesraan antara pesalah dengan adik-beradiknya yang lain. Kelihatan mereka yang kurang mendapat kemesraan dari keluarga sendiri akan lebih ramai terlibat dengan jenayah. Tambahan pula akibat dari perhubungan tersebut telah menyebabkan pesalah juvena terpaksa mencari kawan-kawan sehaluan yang dapat memberikan layanan dan kasih sayang yang mereka perlukan.

University of Malaya

JADUAL 3.2

Hubungan Responden Dengan Layanan
Atau Kemesraan Dari Siblingnya

| Darjah Kemesraan | Pesalah Juvena | | Bukan Pesalah Juvena | |
|---|---|---|---|---|
| | Bil. | % | Bil. | % |
| Sangat mesra | 4 | 13 | 9 | 30 |
| Sederhana/biasa | 11 | 37 | 17 | 57 |
| Tiada/kurang | 15 | 50 | 4 | 13 |
| Jumlah | 30 | 100 | 30 | 100 |

Dari Jadual 3.2 didapati cuma 4 orang (13%) sahaja pesalah juvena yang mempunyai perhubungan rapat dan mesra dengan adik-beradik mereka sedangkan 15 orang (50%) tiada atau kurang mesra dengan adik-beradiknya. Pesalah yang menganggap rumah sebagai tempat yang tidak mengembirakan, akan lebih banyak melibatkan diri dengan kes-kes jenayah. Majoriti dari mereka mengakui bahawa di rumah sering berlaku pergaduhan sesama ahli keluarga. Pergaduhan ini merangkumi atau termasuklah pergaduhan dengan atau antara ibu bapa dan adik-beradik pesalah.

Perhubungan yang erat sesama adik-beradik memanglah amat perlu bagi setiap individu terutamanya bagi remaja yang sedang atau mengalami peringkat atau zaman perubahan. Pada waktu-waktu begini, remaja meng-

University of Malaya

alami berbagai-bagai masalah. Adik-beradik yang lebih tua terutamanya abang adalah penting bagi mereka kerana ia dijadikan sebagai tempat mengadu, meminta tolong dan sebagainya. Dari Jadual 3.3 pula didapati lebih ramai pesalah juvena yang mengadu hal dan masalah mereka dengan rakan-rakan memandangkan mereka tidak mempunyai saudara yang boleh dijadikan sebagai consultant. Jadi, sekiranya sahabat-sahabat yang dipilih itu jahat, maka remaja itu juga akan turut terikut-ikut dengan perlakuan jahat sahabat-sahabat tersebut.

Jadual 3.3

Hubungan Responden Dengan Sumber Atau Tempat Mereka Mengadu Masalah

| Tempat Mengadu Hal | Pesalah Juvena | | Bukan Pesalah Juvena | |
|---|---|---|---|---|
| | Bilangan | % | Bil. | % |
| Rakan-rakan | 13 | 43 | 7 | 23 |
| Adik-beradik | 6 | 20 | 12 | 40 |
| Ibu bapa | 3 | 10 | 8 | 27 |
| Tidak berbincang | 8 | 27 | 3 | 10 |
| Jumlah | 30 | 100 | 30 | 100 |

Dari Jadual 3.3 kelihatan, rakan-rakan dianggap lebih penting sebagai penasihat atau tempat mereka meluahkan perasaan dan masalah (43%), sedangkan adik-beradik (20%) atau ibu bapa (10%) tidak mendapat

tempat utama atau priority sebagai consultant yang boleh mereka percayai. Ini berbeza dari responden bukan pesalah juvena yang lebih bergantung kepada adik-beradik (40%) dan ibu bapa (27%) sebagai tempat mengadu.

Dari sudut ibu bapa pula, di dalam keluarga yang besar, ibu bapa terpaksa membahagikan kasih sayang dan perhatian yang tidak sama rata antara anak-anak mereka. Ini memang jelas menjadi satu kelaziman bahawa ada anak-anak tertentu sahaja yang disayangi (yang lebih cantik atau cerdik). Ini secara tidak langsung menggugat emosi anak yang tidak mempunyai kriteria tadi kerana tidak mendapat kasih sayang yang sempurna (pesalah juvena). Apabila ia merasakan dirinya tidak diendahkan lagi oleh ahli keluarganya terutama oleh ibu bapa, bererti, rasa pertalian, partisipasi dan penglibatan dengan aktiviti keluarga juga akan menjadi kurang atau longgar. Ini merupakan satu potensi besar dalam mewujudkan willingness atau kerelaan untuk melakukan jenayah.

Fenomena ahli keluarga ramai ini banyak terdapat terutamanya dalam masyarakat Melayu golongan bawahan di desa. Pada mulanya, sewaktu ahli keluarga masih kecil, remaja yang berkenaan disayangi dan dimanjai berlebihan. Tetapi, apabila ahli keluarga semakin bertambah, tempat kasih sayang atau bermanja itu diambil alih oleh adik-adiknya sehingga menggugat kasih sayang dan perasaan mereka yang asal. Perasaan cemburu dan iri hati akan wujud dari kalangan anak-anak tersebut sehingga mereka mencari penyelesaian sendiri iaitu mengambil keputusan untuk melihatkan diri dengan jenayah. Menurut Hirschi;

"As family size increases, the likelihood of delinquency increases". (Hirschi T., 1969 : 239)

Jadual 3.4

Hubungan Kemesraan Responden Dengan Ibu Bapa

| Darjah Kemesraan | Pesalah Juvena | | Bukan Pesalah Juvena | |
|---|---|---|---|---|
| | Bilangan | % | Bilangan | % |
| Mesra | 4 | 13 | 11 | 37 |
| Sederhana | 5 | 17 | 13 | 43 |
| Kurang mesra | 10 | 33 | 4 | 13 |
| Tidak mesra langsung | 11 | 37 | 2 | 7 |
| Jumlah | 30 | 100 | 30 | 100 |

Dari Jadual 3.4, didapati layanan dan kemesraan yang diterima oleh ramai pesalah juvena dari kedua ibu bapa mereka amat mengecewakan. Hanya 4 orang (13%) sahaja yang menerima kasih sayang dan kemesraan yang sempurna sedangkan 11 orang (37%) langsung tidak dipedulikan atau tidak mendapat kasih sayang dan kemesraan yang sewajarnya. Sementara 10 orang (33%) daripada mereka walaupun mendapat kasih sayang, namun mereka merasakan ianya adalah tidak mencukupi. Berbeza dari responden bukan pesalah juvena di mana, jumlah responden yang mendapat kasih sayang dari kedua ibu bapa adalah melebihi dari jumlah yang tidak mendapat kasih sayang yang sepatutnya. Jelaslah bahawa, pesalah yang melibatkan diri-

nya dengan perlakuan yang 'nakal' adalah kerana mereka merasakan tiada siapa lagi yang akan menghalang perlakuan mereka itu. Akibat dari pertalian, partisipasi dan penglibatan yang lemah dengan ahli keluarga ini, telah mendorong atau membuat mereka rasa bebas untuk melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti yang bertentangan dengan kepercayaan konvensional yang telah ditetapkan oleh masyarakat.

Perceraian ibu bapa atau 'broken homes'

Peranan ibu bapa penting dalam setiap keluarga. Mereka merupakan tunjang dan agen sosialisasi utama yang menyediakan kasih sayang, penjagaan dan pertunjuk bagi anak-anak mereka yang sedang membesar. Menurut M.E. Wolfgang

> "The broken family .... may result in an ability for the remaining parent to 'control' the child, fail to provide proper 'role models' or fail to contribute sufficient maternal or paternal loves". (Wolfgang M.E., 1970 : 489).

Peranan ibu bapa akan terhalang apabila berlaku keretakan dalam rumah tangga, yang mana selanjutnya meninggalkan kesan pada anak-anak yang terlibat ekoran dari tidak mendapat jagaan dan kasih sayang yang sempurna. Dengan ertikata lain, Wolfgang berpendapat tidak mungkin hanya seorang bapa atau ibu sahaja, akan dapat mengawal atau menjaga anak-anak mereka dengan sewajarnya. Kerjasama kedua pihak amat perlu untuk mendidik anak yang sempurna dan sihat.

Jadual 3.5

Bentuk Hubungan Antara Ibu dan Bapa Responden

| Status Perkahwinan | Pesalah Juvena | | Bukan Pesalah Juvena | |
|---|---|---|---|---|
| | Bil. | % | Bil. | % |
| Rapat/biasa | 6 | 20 | 18 | 60 |
| Selalu bergaduh | 7 | 23 | 3 | 10 |
| Bercerai | 12 | 40 | 4 | 13 |
| Tidak tahu | 5 | 17 | 5 | 17 |
| Jumlah | 30 | 100 | 30 | 100 |

Berdasarkan pada Jadual 3.5, pengkaji mendapati 12 orang (40%) dari pesalah mempunyai ibu bapa yang telah bercerai dan 7 orang (23%) yang keluarganya sering bergaduh, berdasarkan dari maklumat yang diperolehi melalui fail-fail peribadi dan temubual. Jumlah ini adalah berbeza dari responden bukan pesalah juvena di mana hanya 4 orang (13%) sahaja dari ibu bapa mereka yang telah bercerai. Ini menunjukkan bahawa lebih ramai dari pesalah datang dari broken homes. Secara tidak langsung ini menunjukkan, akibat dari perhubungan ibu bapa yang 'kecoh' dan sentiasa bergaduh, menyebabkan anak-anak kurang mendapat perhatian dan kasih sayang yang sewajarnya. Mungkin ibu bapa tiada masa untuk melayan mereka. Ini menyebabkan hubungan anak tersebut dengan ibu bapanya menjadi renggang sehingga boleh mendorong mereka terlibat dengan aktiviti-aktiviti liar.

Dari kajian-kajian yang pernah dijalankan, terbukti bahawa anak-anak dalam situasi broken homes ini, mempunyai disiplin yang kurang. Anak-anak tersebut dibiarkan berkelakuan sesuka hati. Kebebasan sepenuh yang diperolehi telah melemahkan lagi rasa pertalian, penglibatan dan partisipasi mereka terhadap famili. Mereka bebas bergaul dan bertindak sesuka hati tanpa batasan.

Jadual 3.6

Kadar Kebebasan Yang Diperolehi Oleh Responden

| Keterangan Kebebasan | Pesalah Juvena | | Bukan Pesalah Juvena | |
|---|---|---|---|---|
| | Bil. | % | Bil. | % |
| Kebebasan mutlak | 13 | 43 | 4 | 13 |
| Sederhana bebas | 9 | 30 | 20 | 67 |
| Terkongkong | 8 | 27 | 6 | 20 |
| Jumlah | 30 | 100 | 30 | 100 |

Dari Jadual 3.6, kelihatan 13 orang (43%) dari pesalah juvena telah diberikan kebebasan sepenuhnya dan mereka dibenarkan balik lewat ke rumah. Ini berbeza dengan hanya 4 orang (13%) daripada bukan pesalah juvena yang diberi kebebasan sepenuhnya. Ini membuktikan bahawa kebebasan yang terlalu luas menyebabkan ianya telah disalah gunakan oleh remaja yang berkenaan sehingga melepaskan mereka dari ikatan sosial.

Keadaan keluarga yang sentiasa bertelagah dan tidak mempedulikan anak-anak juga telah memungkinkan berlakunya gejala remaja meninggalkan rumah. Ini bererti mereka terputus atau tiada lagi hubungan dengan keluarga asal masing-masing. Ibu bapa yang sentiasa 'bercakaran' di depan anak-anak menyebabkan si anak merasakan rumah sebagai tempat yang tidak tenang, tidak mengembirakan malah sebagai neraka. Perkelahian ibu bapa yang kerap, meninggalkan implikasi tekanan emosi yang mendalam pada kanak-kanak tersebut. Keadaan yang menghimpit ini menjadikan mereka bosan untuk terus hidup dalam suasana sedemikian.

Ibu bapa yang bekerja

Masalah jenayah juvena juga timbul akibat daripada ibu bapa yang bekerja. Biasanya jika kedua-dua ibu bapa mereka bekerja, tiada siapa yang boleh mengawal anak-anak di rumah. Tetapi apa yang lebih penting dipertikaikan di sini ialah peranan ibu itu sendiri di dalam membentuk, membimbing dan memberi kasih sayang yang sempurna kepada anak-anak. Menurut satu peribahasa Inggeris "The hand that rock's the cradle, rules the world". Ini menunjukkan betapa pentingnya peranan ibu itu. Sepatutnya ibu harus berada di rumah dan menjaga serta mengawasi anak-anak dengan sempurna dan adil. Jadi, sekiranya ibu juga turut bekerja, anak-anak tidak akan diawasi lagi (bebas). Lagipun kerana ibu bapa bekerja, masa yang terluang untuk bermesra dengan anak-anak adalah terlalu sedikit. Secara tidak langsung ini menyebabkan ikatan dan perhubungan kekeluargaan menjadi longgar dan membolehkan anak-anak tersebut resort atau berpaling kepada jenayah.

Dari Jadual 3.7, ternyata lebih ramai ibu pesalah juvena yang bekerja. Ini disebabkan oleh taraf ekonomi yang rendah ataupun telah bercerai dengan si bapa. Kesempatan diambil dari ibu yang terpaksa keluar mencari nafkah oleh pesalah juvena untuk keluar dari rumah dan bergaul dengan rakan-rakan. Kebebasan yang disalah gunakan itu akhirnya mendorong remaja tersebut terlibat dengan anasir jenayah.

Jadual 3.7

Pihak Keluarga Responden Yang Mencari Nafkah

| Keterangan Bekerja | Pesalah Juvena | | Bukan Pesalah Juvena | |
|---|---|---|---|---|
| | Bil. | % | Bil. | % |
| Ibu sahaja | 9 | 30 | 4 | 13 |
| Bapa sahaja | 12 | 40 | 20 | 67 |
| Kedua-dua sekali | 9 | 30 | 6 | 20 |
| Jumlah | 30 | 100 | 30 | 100 |

Dari Jadual 3.7, 9 orang (30%) dari pesalah juvena yang kedua ibu bapanya bekerja berbanding hanya 6 orang (20%) bagi bukan pesalah. Begitu juga kelihatan ibu pesalah juvena yang bekerja adalah seramai 9 orang (30%) berbanding hanya 4 orang (13%) bagi bukan pesalah juvena. Ini membuktikan lagi bahawa ibu memainkan peranan penting kerana ibu bapa yang sentiasa sibuk dengan tugas-tugas luar rumah menyebabkan si anak merasa kekosongan di dalam hidupnya. Apabila hendak melakukan

sesuatu perkara, si anak tidak lagi merujuk kepada orang tuanya kerana mereka sentiasa tiada masa untuk melayan kemahuan itu. Si anak terkilan dan lebih parah lagi jikalau setiap kali mahu bermesra, setiap kalilah ibu bapanya memberi alasan, helah atau menolak. Ikatan yang longgar serta kekurangan kasih sayang daripada keluarga ini memaksa remaja berkenaan mencari jalan keluar dan selalunya ia bersifat negatif.

Maka jelaslah bahawa ikatan dan kawalan kekeluargaan yang longgar boleh mendorong remaja terlibat dengan jenayah. Seseorang remaja berkemungkinan besar melibatkan dirinya dengan jenayah kerana pengaruh gang yang menggantikan keluarga asalnya. Ini adalah ekoran dari pertalian yang longgar dengan keluarga kerana inadequacy keluarga tersebut. Sebaliknya pula, pertalian dengan delinquents gang bertambah erat. Pendapat ini dipersetujui oleh Weinberg yang mengatakan;

> ".... Boys becomes delinquent when for individualized purposes of emotional security, self-enhancement or conflict-resolution, they seek and select accessible associates from whom they learn, accept and expressed criminal attitudes". (W. A. Rushing, 1935 : 59).

Menurut Hirschi, remaja yang rapat hubungan dengan keluarganya kurang terlibat dengan jenayah. Ini bukan sahaja disebabkan oleh kerana remaja tersebut selalu berdampingan dengan ibu bapa mereka tetapi juga kerana apabila seseorang itu sentiasa berkongsi kehidupan mentalnya dengan ibu bapanya, maka ia akan lebih menganggap ibu bapa sebagai sebahagian daripada kehidupan sosial dan psikologinya. Ekoran dari ini jugalah maka mereka kurang keinginan untuk melakukan jenayah atau melukakan hati orang yang mereka sayangi.

3.2 Pelajaran atau sekolah

Faktor pelajaran juga berperanan di dalam mempengaruhi kerelaan seseorang kanak-kanak terhadap melakukan jenayah. Ianya dilihat dari sudut penerimaan dan penglibatan mereka terhadap sekolah, pelajaran dan guru-guru. Iaitu, melihat sejauh mana minat mereka terhadap pelajaran. Walau bagaimanapun, dari kajian yang telah dijalankan, pengkaji mendapati ramai pesalah juvena tidak suka ke sekolah tapi sebaliknya lebih suka pergi ke tempat-tempat tertentu dengan rakan-rakan untuk berhibur. Mereka tidak ada kemahuan untuk maju tetapi lebih bersikap present-oriented. Ini menyebabkan mutu pelajaran mereka rendah dan lemah.

Dalam Jadual 3.8, kelihatan 13 orang (43%) daripada pesalah juvena hanya menerima didikan di peringkat menengah, 2 orang (7%) tidak pernah ke sekolah dan yang selebihnya hanya bersekolah setakat sekolah rendah. Ini merupakan satu angka yang besar sekali. Jumlah ini amat berbeza jika dibandingkan dari bukan pesalah juvena. Hanya 5 orang (17%) sahaja dari kategori ini yang bersekolah setakat sekolah rendah sedangkan selebihnya masih belajar (semasa pengkaji menemui mereka) walaupun peringkat umur mereka (pesalah dan bukan pesalah) adalah lebih kurang sama. Ini menunjukkan perbezaan yang amat ketara sekali bagi kedua kumpulan tersebut. Perbezaan ini mungkin dipengaruhi oleh perbezaan situasi sos dan fizikal yang menekan ke atas setiap responden tersebut.

Jadual 3.8

Tingkat Pelajaran Yang Dicapai Oleh Responden

| Keterangan Tingkat Pelajaran | Pesalah Juvena Bil. | Pesalah Juvena % | Bukan Pesalah Juvena Bil. | Bukan Pesalah Juvena % |
|---|---|---|---|---|
| Sekolah rendah (1 - 6) | 15 | 50 | 5 | 17 |
| Sekolah menengah (1 - 3) | 13 | 43 | 25 | 83 |
| Tidak bersekolah | 2 | 7 | 0 | 0 |
| Jumlah | 30 | 100 | 30 | 100 |

Bagi responden dari STBT yang pernah bersekolah menengah pula, mereka belajar kerana dipaksa oleh ibu bapa. Pada asasnya mereka sentiasa malas dan sering ponteng sekolah (Jadual 3.9). Minat terhadap pelajaran dan guru-guru amatlah kurang. Boleh dikatakan, kebanyakan daripada pesalah juvena yang telah pengkaji temui di STBT merasakan sekolah hanyalah sebagai bebanan yang dipaksa ke atas mereka. Pendek kata, dapatlah disimpulkan bahawa penglibatan dan partisipasi mereka terhadap sekolah dan pelajaran amatlah mengecewakan sekali.

Jadual 3.9

Darjah Ponteng Sekolah Di Kalangan Responden

| Darjah Ponteng | Pesalah Juvena | | Bukan Pesalah Juvena | |
|---|---|---|---|---|
| Sekolah | Bil. | % | Bil. | % |
| Selalu | 26 | 93 | 4 | 15 |
| Jarang | 2 | 7 | 18 | 64 |
| Tidak pernah | 0 | 0 | 6 | 21 |
| Jumlah | 28+ | 100 | 28+ | 100 |

Dari jadual di atas, 26 orang (93%) dari pesalah juvena tersebut sering ponteng sedangkan cuma 4 orang (15%) sahaja dari bukan pesalah juvena. Di sini ternyata wujudnya perbezaan peratusan yang besar antara dua kumpulan tersebut. Secara keseluruhannya dapat dilihat bahawa pesalah juvena ini tidak mempunyai penggerak laku yang tinggi. Mereka tidak berminat untuk belajar tetapi sebaliknya lebih suka membuang masa dengan aktiviti yang tidak berfaedah dan nakal.

Dari temubual yang telah dijalankan, pengkaji mendapati ramai dari responden dari STBT tidak sukakan sekolah. Ramai dari mereka berhenti atas kehendak sendiri (malas) di samping desakan hidup. Mereka

+ Pengkaji hanya mencatatkan 28 orang responden memandangkan dua orang dari pesalah juvena tidak pernah ke sekolah dan untuk mengimbangkan jumlah pengkaji telah memilih 28 orang juga dari bukan pesalah juvena secara cabutan.

University of Malaya

dari golongan inilah yang sering terlibat dengan jenayah dan memilih jenayah sebagai jalan hidup sendiri iaitu untuk bebas dari ikatan pelajaran yang secara tidak langsung bebas dari kongkongan keluarga. Mereka tidak mempunyai apa-apa pertalian, partisipasi dan penglibatan ke atas keluarga dan masyarakat. Mereka bebas bergaul sehingga akhirnya tercebur ke dalam aktiviti-aktiviti delinkwensi yang non-utilitarian, malicious dan negativistic demi untuk mencapai kepuasan dan keseronokan hidup yang sementara itu, seperti menurut Hirschi;

> "It may be said that dislike for school is usually seen as a source of motivation to delinquency". (Hirschi T., 1969 : 122).

Pengkaji mendapati ramai dari pesalah juvena tersebut tidak suka ke sekolah berdasarkan kepada beberapa faktor dan pengalaman yang mereka alami semasa bersekolah. Ini terbukti dari Jadual 3.10 dan 3.11 yang menunjukkan sikap responden terhadap guru dan pelajaran.

Jadual 3.10

Sikap Responden Terhadap Pelajaran

| Sikap Terhadap Pelajaran | Pesalah Juvena | | Bukan Pesalah Juvena | |
|---|---|---|---|---|
| | Bil. | % | Bil. | % |
| Biasa/sederhana | 12 | 43 | 12 | 43 |
| Suka | 2 | 7 | 12 | 43 |
| Tidak suka | 14 | 50 | 4 | 14 |
| Jumlah | 28+ | 100 | 28+ | 100 |

Jadual 3.11

Sikap Responden Terhadap Guru

| Sikap Terhadap Guru | Pesalah Juvena | | Bukan Pesalah Juvena | |
|---|---|---|---|---|
| | Bil. | % | Bil. | % |
| Suka | 1 | 4 | 8 | 29 |
| Biasa/sederhana | 12 | 43 | 14 | 50 |
| Tidak suka | 15 | 53 | 6 | 21 |
| Jumlah | 28+ | 100 | 28+ | 100 |

Dari Jadual 3.10 dan 3.11, didapati 14 orang (50%) dari mereka tidak suka pada pelajaran dan 15 orang (53%) pada guru. Berbeza dari bukan pesalah juvena di mana hanya 4 orang (14%) yang tidak sukakan pelajaran dan 6 orang (21%) tidak sukakan 'guru'. Sikap 'tidak suka' pada guru ini berperanan menyebabkan remaja enggan meneruskan pelajaran mereka. Sikap 'pilih bulu' guru yang hanya beri tumpuan kepada murid-murid yang pandai sahaja mematikan semangat mereka yang lemah untuk terus ke sekolah.[1] Sering kali juga sikap tidak sukakan guru ini membawa kepada

+ Pengkaji hanya mencatatkan 28 orang responden memandangkan dua orang dari pesalah juvena tidak pernah ke sekolah dan untuk mengimbangkan jumlah pengkaji telah memilih 28 orang juga dari bukan pesalah juvena secara cabutan.

1 Akhbar Mingguan Malaysia - Pancaindera, Ahad 7 Oktober 1984 : 9 (sering juga dapat dilihat fenomena yang sama di mana-mana jua).

University of Malaya

kemerosotan di dalam pelajaran sehingga menyebabkan mereka malas untuk berusaha. Sikap mereka yang negatif ini mungkin didorong oleh pengalaman mereka semasa belajar. Tindakan guru-guru dan kesan pelajaran itu menjemukan dan menakutkan mereka untuk terus belajar. Dalam situasi begini mereka merasakan pelajaran tidak penting buat mereka. Ini secara tidak langsung mengurangkan rasa partisipasi dan penglibatan yang sepatutnya. Ikatan sosial yang longgar ini telah menyebabkan mereka berani dan rela untuk melakukan jenayah.

Jelasnya, benci dan kegagalan di dalam pelajaran boleh mempengaruhi seseorang itu rela melibatkan dirinya dengan jenayah. Atas sebab-sebab faktor karikulam pelajaran dan sikap setengah guru-guru yang menekan menyebabkan mereka malas dan seterusnya gagal di dalam pelajaran. Kewujudan perlakuan jenayah juvena dapat diterangkan melalui dua gambarajah yang menunjukkan bagaimana persepsi remaja terhadap pelajaran mempengaruhi perlakuan jenayahnya. Kedua-dua bentuk gambarajah tersebut dapat diterapkan ke atas responden pengkaji dari STBT.

Rajah 3.1

Kegagalan dalam pelajaran → Benci terhadap kerja-kerja sekolah serta tunjukkan sikap negatif terhadap sekolah → Ponteng → Jenayah juvena

Dari gambarajah 3.1, kelihatan kegagalan yang dialami di dalam pelajaran oleh seseorang kanak-kanak sejak awal-awal lagi telah menimbulkan sikap negatif mereka terhadap sekolah iaitu mereka benci terhadap kerja-kerja sekolah. Ini akan mendorong mereka ponteng. Jika sikap

University of Malaya

benci pada sekolah ini berlanjutan bererti remaja itu juga akan sering ponteng. Kesempatan yang diambil dari poteng sekolah ini mendorongkan mereka melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti 'nakal'. Dengan menunjukkan sikap yang malas belajar melalui ponteng ini, ternyata seolah-olah mereka bebas dari sebarang penglibatan dan partisipasi dengan guru dan ibu bapa. Kebebasan yang dapat disamakan dengan kurangnya partisipasi dan penglibatan terhadap pelajaran berkemungkinan mendorong mereka melibatkan diri dengan jenayah.

Rajah 3.2




Berbeza dari Rajah 3.1, Rajah 3.2 menunjukkan bahawa remaja tersebut memang telah menanam sifat benci terhadap sekolah sejak-sejak awal lagi. Ini mungkin didorong oleh faktor guru atau pelajaran itu sendiri yang menimbulkan sikap negatif. Kerana bencikan pelajaran, remaja tersebut sering ponteng sekolah. Ekoran dari ini menyebabkan mereka gagal di dalam pelajaran. Remaja yang sering ponteng sekolah juga akan mudah terlibat dengan jenayah. Kegagalan di dalam pelajaran menunjukkan partisipasi dan penglibatan mereka yang kurang. Kerana pelajaran yang kurang serta kegemaran mereka ponteng sekolah menyebabkan mereka menolak norma-norma konvensional yang telah ditetapkan. Mereka tidak menghiraukan pandangan masyarakat malahan lebih gemar berkelakuan sesuka hati. Akibat dari ikatan sosial yang longgar ini menyebabkan remaja tersebut tidak ragu-ragu untuk melibatkan diri dengan jenayah.

University of Malaya

3.3 Pertentangan Sistem Nilai

Faktor ini dilihat dari segi perlakuan pesalah juvena yang bertentangan dengan nilai dan norma masyarakat. Ekoran dari penglibatan pertalian dan partisipasi yang kurang dan lemah, sudah pastilah penerimaan mereka terhadap kepercayaan konvensional juga adalah negatif. Mereka menolak sistem nilai yang ditetapkan masyarakat. Kelemahan elemen-elemen tersebut yang wujud dari pertentangan nilai bererti social bond antara remaja tersebut dengan masyarakat adalah longgar atau terputus. Ini dengan mudah sahaja mendorong mereka terlibat dengan jenayah. Menurut Sellin;

> "The higher the volume of clashes among the legal norms, folkways and values in a given community, the higher the crime rate". (Wolfgang M. E. (op. cit) 1970 : 186)

Jadual 3.12

Persepsi Pesalah Juvena Terhadap Masyarakat

| Keterangan Persepsi | Bilangan | % |
|---|---|---|
| Baik hati | 5 | 17 |
| Sederhana | 8 | 27 |
| Suka ambil tahu hal orang | 10 | 33 |
| Sombong dan pentingkan diri sendiri | 7 | 23 |
| Jumlah | 30 | 100 |

Keadaan di atas dapat dibuktikan melalui Jadual 3.12 yang menunjukkan bagaimana persepsi pesalah juvena terhadap masyarakat di sekelilingnya. Kelihatan dari jadual, 10 orang (33%) dari pesalah merasakan jiran-jiran mereka sentiasa mengambil tahu dan mengawasi perlakuan orang lain. Majoriti dari pesalah juvena mempunyai persepsi yang negatif terhadap masyarakat di tempatnya. Sikap negatif ini timbul kerana masyarakat sentiasa mengenakan undang-undang serta sanction yang sepatutnya dituruti.

Maka di sini jelas menunjukkan bahawa remaja yang menolak kepercayaan konvensional akan mudah terpengaruh dengan anasir-anasir jahat. Elemen belief ini berserta dengan pertalian dan penglibatan yang longgar meninggikan lagi potensinya untuk melakukan jenayah. Keadaan ini dapat dilihat melalui Jadual 3.13 yang menunjukkan hubungan pesalah dengan masyarakat setempat adalah jarang. Berdasarkan kepada jadual tersebut didapati majoriti, 19 orang (63%) dari pesalah juvena mempunyai hubungan yang jarang (atau tiada) dengan masyarakat setempatnya. Ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa remaja tersebut telah terlepas dari social bond yang mengikat mereka. Mereka tidak menghiraukan lagi bagaimana bentuk hubungan dengan masyarakat sekeliling.

University of Malaya

Jadual 3.13

Hubungan Antara Pesalah Juvena Dengan
Masyarakat Setempat

| Bentuk Perhubungan | Bilangan | % |
|---|---|---|
| Rapat | 5 | 17 |
| Biasa | 6 | 20 |
| Jarang atau tiada | 19 | 63 |
| Jumlah | 30 | 100 |

Maka jelaslah di sini bahawa elemen-elemen abstrak di dalam teori kawalan sosial Hirschi memang menepati tujuannya di dalam melihat bagaimana seseorang remaja itu rela untuk melibatkan dirinya dengan aktiviti jenayah. Ini dapat dipadankan dengan pendapat Cohen yang mengatakan;

> "The destructive gang delinquency ..... is deliberately aggressive way of rejecting an official community which has no place for them". (Cohen A. K., 1955).

3.4 Pegangan Agama (merujuk kepada agama Islam)

Pegangan agama yang longgar merupakan satu lagi faktor yang boleh mempengaruhi seseorang itu terlibat dengan jenayah. Ianya merupakan salah satu aspek atau unsur dalam proses sosialisasi manusia. Terlampau menekan kepada falsafah sains dan teknik dengan mengabaikan faktor keagamaan menyebabkan nilai-nilai moral dan maruah turut ternoda.

University of Malaya

Nilai keagamaan dan kemasyarakatan yang rapuh ini akan mempercepatkan lagi proses penjenayahan hinggap kepada remaja tersebut.

Seseorang yang mempunyai kepercayaan yang mendalam dan lurus tentang agama bererti mempunyai ikatan sosial yang kukuh dalam masyarakat. Tetapi sekiranya ikatan tersebut longgar atau tergugat iaitu dengan kurangnya kepercayaan dan pegangan mereka terhadap agama maka sudah tentulah mereka akan merasa bebas untuk melakukan apa sahaja tanpa perasaan takut pada Allah dan malu pada keluarga dan masyarakat sekeliling. Mereka akan meninggalkan kesan yang negatif pada perlakuan sendiri iaitu mula melibatkan diri atau tertarik dengan cara hidup serta aktiviti penjenayah. Di sini pengkaji akan melihat bagaimana faktor pegangan agama yang longgar ini dapat mendorong seseorang ke arah jenayah.

Jadual 3.14

Darjah Pendidikan Agama Yang Diperolehi
Oleh Pesalah Juvena

| Darjah Pendidikan Agama | Bilangan | % |
|---|---|---|
| Ada didikan agama (basic) | 16 | 53 |
| Kurang didikan agama | 9 | 30 |
| Tiada didikan | 5 | 17 |
| Jumlah | 30 | 100 |

Jadual 3.15

Sumber Didikan Agama Pesalah Juvena

| Sumber Didikan Agama | Bilangan | % |
|---|---|---|
| Sekolah biasa sahaja | 13 | 52 |
| Sekolah biasa dan rumah | 4 | 16 |
| Sekolah agama sahaja | 3 | 12 |
| Rumah sahaja (ibu bapa) | 5 | 20 |
| Jumlah | 25+ | 100 |

Berdasarkan pada Jadual 3.14, pengkaji mendapat pesalah juvena hanya menerima didikan agama yang terlalu sedikit sebelum ditangkap. Dari jadual, 5 orang (17%) daripada mereka langsung tidak menerima didikan agama sedangkan 16 orang (53%) yang terima didikan secara basic. 9 orang (30%) tahu tentang ajaran agama tetapi ajaran yang diterima amatlah minima.

Bagi yang mendapat didikan agama tersebut, mereka hanya mendapat didikan agama yang asas, sama ada di rumah atau di sekolah biasa. Misalnya melalui Jadual 3.15, 13 orang (52%) dari mereka belajar agama dari sekolah biasa dan hanya 3 orang (12%) sahaja dari sekolah agama.

+ Jumlah responden cuma 25 orang kerana lima darinya tidak pernah menerima didikan agama dari mana-mana sumber.

Di sekolah biasa pelajaran agama amatlah minima. Dalam seminggu mungkin hanya tiga jam diperuntukkan untuk subjek tersebut. Bagi yang menerima didikan di sekolah agama pula, walaupun pelajaran agama diutamakan namun mereka tidak mempraktikkan kehendak agama Islam yang suci. Inilah yang menyebabkan mereka mudah terbelit dan terperangkap dengan jenayah. Mereka seolah-olah telah mengabaikan kehendak dan kepercayaan umum. Dengan erti kata lain, mereka tidak ada lagi rasa kewajipan dan penglibatan yang mendalam.

Jadual 3.16

Kekerapan Pesalah Juvena Melakukan Sembahyang

| Kekerapan Sembahyang | Bilangan | % |
|---|---|---|
| Alim (sentiasa) | 0 | 0 |
| Jarang sembahyang | 21 | 70 |
| Tidak pernah | 9 | 30 |
| Jumlah | 30 | 100 |

Dari Jadual 3.16, 9 orang (30%) dari pesalah juvena yang ditemui mengakui tidak pernah melakukan sembahyang sebelum ditangkap sementara selebihnya walaupun pernah bersembahyang namun jarang sekali. Mereka mengakui mereka bukanlah penganut agama Islam yang alim. Maka jelaslah di sini bahawa pengkaji mendapati kurangnya kepercayaan dan

University of Malaya

amalan agama berkemungkinan juga menjadi faktor yang mendorong individu melibatkan diri dengan jenayah.

Kurangnya didikan agama juga bererti kurangnya pegangan dalam hidup mereka. Mereka tidak akan rasa gentar, takut serta kasihan kepada mangsa mereka, keluarga dan masyarakat sekeliling. Mereka juga tidak hiraukan cemuhan masyarakat. Mereka tidak peduli atau takut pada nilai dan norma konvensional yang telah ditetapkan. Dengan erti kata lain, mereka sanggup melakukan jenayah kerana mereka telah terlepas dari ikatan sosial dalam hidup. Walaupun pengkaji mendapati pesalah-pesalah tersebut sedar bahawa perbuatan mereka itu salah dan berdosa, tetapi kerana ikatan sosial yang longgar, mereka tidak segan atau takut untuk melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti yang salah.

## 3.5 Kesimpulan

Dari penganalisaan data-data yang telah diperolehi, pengkaji merasakan teori kawalan oleh Hirschi memang sesuai untuk menunjukkan bagaimana seseorang kanak-kanak itu boleh terdorong untuk melakukan jenayah. Ekoran dari ikatan sosial yang longgar atau terputus telah mendorong remaja tersebut ke lembah jenayah. Keadaan ini terjadi kerana mereka merasakan tiada siapa yang akan mempedulikan kegiatan mereka, jadi mereka bebas untuk melakukan apa sahaja. Pertalian dan penglibatan yang lemah dengan keluarga dan masyarakat menyebabkan mereka merasai bahawa mereka tidak akan rugi apa-apa jika terlibat dengan jenayah.

Pesalah juvena yang datang dari <u>problem homes</u> merasakan mereka tidak terikat lagi pada keluarga. Malahan tiada apa dan siapa lagi yang

akan menyekat atau marah dengan perlakuan 'nakal' mereka itu. Tiada ibu bapa yang akan menghalang. Dengan kurangnya partisipasi dan penglibatan dengan sekolah, menyebabkan mereka tidak akan rasa rugi apa-apa lagi. Masa yang banyak terluang ini jugalah yang menyebabkan remaja tersebut menjadi idle. Dari peribahasa Inggeris, an idle mind is a devil workshop memang sesuai diapplikasikan dalam konteks ini. Jelasnya remaja yang datang dari keluarga yang tidak gembira, lebih cenderung melibatkan diri dengan jenayah kerana pertalian kasih sayang mereka terhadap keluarga amat lemah.

Berdasarkan kepada penerangan di atas tadi, maka dapatlah dibuat tanggapan bahawa

> "Most juvenile offenders are psychologically normal youngsters whose deviance is a response to deleterious social circumstances and kindred influences". (Gibbons, 1981 : 12).

Antara lainnya dapatlah dikatakan bahawa jenayah juvena wujud akibat break down di dalam ikatan sosial yang mengikat remaja tersebut kepada kehendak dan kelaziman dalam masyarakat.

Justeru itu, pengkaji mendapati bahawa empat elemen yang membentuk teori kawalan ini benar kerana penjenayah juvena yang ditemui menunjukkan rasa pertalian, partisipasi dan penglibatan yang kurang terhadap keluarga, sekolah dan aktiviti-aktiviti masyarakat konvensional. Pesalah-pesalah juga menunjukkan sikap yang negatif terhadap konformiti. Walau bagaimanapun faktor-faktor lain seperti pengaruh sosial misalnya

kemiskinan, media massa dan kawasan tempat tinggal juga berperanan di dalam mempengaruhi seseorang remaja itu ke lembah jenayah. Ini memandangkan remaja pada tahap umur sedemikian sedang mengalami satu tingkat perubahan serta mudah peka terhadap alam sekitar.

University of Malaya

# BAB 4

# KERELAAN MENUJU KEPADA TINDAKAN

## 4.1 Latar Belakang

Di dalam bab ini pengkaji akan melihat bagaimana seseorang remaja itu mula mempraktikkan kegiatan jenayahnya. Di dalam Bab 3 telah diterangkan bagaimana seseorang remaja itu berada ditahap 'kerelaan' tetapi belum lagi mempraktikkannya, berdasarkan pada elemn-elemen seperti pertalian, partisipasi, penglibatan dan kepercayaan yang lemah. Seterusnya dalam bab ini pengkaji akan menerangkan bagaimana remaja berkenaan mula menjalankan atau menjelmakan perbuatan-perbuatan yang berbentuk jenayah.

Justeru itu, dalam bab ini pengkaji akan melihat bagaimana seseorang remaja yang telah longgar ikatan sosialnya mulai melakukan jenayah (secara konkrit) ekoran dari kemudahan-kemudahan yang terdapat bagi menjayakan lagi aktiviti-aktiviti mereka. Dengan berpegang kepada Teori Kawalan oleh Hirschi, pengkaji akan melihat bagaimana dari peringkat 'rela', seseorang remaja itu mula mempraktikkan kegiatan jenayah berdasarkan pada faktor-faktor kemudahan yang ada seperti pengrahsiaan, kemahiran, pembekalan, sokongan sosial dan simbolik serta moral holiday.

## 4.2 Faktor-faktor Kemudahan Dan Pergaulan

Secara naturalnya, setiap manusia bebas dan berupaya melakukan apa jua yang mereka kehendaki. Banyak kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa tidak semua remaja yang telah putus ikatan sosialnya

terus melibatkan dirinya dengan jenayah. Ini bererti masih terdapat lain-lain faktor penting yang mempengaruhi seseorang remaja itu melakukan jenayah. Pendek kata, jika dari kerelaan hendak ditransformasikan kepada perlakuan delinkwen, maka harus ada sesuatu yang menggabungkan antara faktor-faktor yang menyebabkan kerelaan dengan situational temptation yang sesuai sehingga seseorang dalam peringkat rela terus melakukan jenayah tersebut.

Jelasnya, setiap individu itu mempunyai pilihannya sendiri untuk melakukan jenayah atau sebaliknya. Namun, sejauh mana ia akan meneruskan kegiatannya itu adalah bergantung kepada kadar dan darjah pendedahannya kepada faktor-faktor kemudahan dan moral holiday yang disebutkan tadi. Pengkaji akan cuba melihat bagaimana secara khususnya faktor sokongan sosial dan simbolik berpengaruh dalam mewujudkan pula faktor-faktor seperti kemahiran, rahsia dan pembekalan dan bagaimana ini seterusnya dapat mendorong seseorang remaja itu melakukan jenayah.

Pengrahsiaan atau rahsia (secrecy) adalah merupakan salah satu dari faktor yang mendorong remaja melakukan jenayah. Ianya merupakan darjah persepsi individu tersebut terhadap sejauh mana tingkah laku nakalnya itu boleh dirahsiakan dan seterusnya tidak dapat dikesan. 'Rahsia' di sini merujuk kepada sejauh mana remaja tersebut yakin kegiatannya dapat dirahsiakan dari dikesan oleh orang ramai. Walau bagaimanapun mereka yang melakukan jenayah adalah mereka yang tidak takut sekiranya kegiatan mereka diketahui. Oleh itu mereka yang tidak takut pada undang-undang akan mudah melakukan jenayah. Namun begitu

University of Malaya

mereka seboleh-bolehnya akan merahsiakan kegiatan tersebut dari diketahui ramai.

Remaja yang telah longgar ikatan sosialnya, iaitu yang rela melakukan jenayah akan membuat keputusan tidak akan melakukan jenayah sekiranya merasa takut kegiatan mereka akan dikesan. Dari segi undang-undang terdapat berbagai jenis dan variasi kesalahan yang mana mengakibatkan risiko yang berbeza-beza pula. Perasaan takut dan cemas yang dirasai semasa memberi pengesahan dan seterusnya ditangkap serta didakwa akan menyebabkan remaja yang hendak melakukan jenayah itu akan berfikir dua kali dan pasti akan cuba mengelakkan dirinya dari terlibat. Mereka mengelakkan diri dari melakukan jenayah bukan kerana rasa malu atau bersalah (kerana mereka tidak lagi mempunyai apa-apa ikatan terhadap keluarga) tetapi mereka cuma hendak lari dari sanction yang ditetapkan oleh masyarakat, misalnya penjara atau tali gantung kerana semua ini merupakan event yang tidak menyenangkan sekali. Oleh itu, hanya mereka yang percaya dan yakin bahawa kegiatan mereka tidak akan dikesan atau ditangkap mempunyai probability yang tinggi untuk terlibat dengan jenayah.

Seterusnya untuk menjayakan satu-satu aktiviti jenayah itu sudah tentulah faktor kemahiran diambil kira. Ianya merujuk kepada kemahiran yang selaras dengan kemahiran konvensional. Untuk melakukan satu-satu bentuk jenayah, remaja berkenaan harus terlebih dahulu memperolehi kemahiran atau kepakaran serta keupayaan yang berkaitan dengan bentuk jenayah tersebut, misalnya kemahiran di dalam memecah rumah, men-

curi dan sebagainya. Jelasnya ia adalah kemahiran yang akan memudahkan lagi mereka untuk melakukan satu-satu jenayah.

Faktor pembekalan juga berperanan dalam menolak seseorang remaja itu ke lembah jenayah. Pembekalan merujuk kepada tools dan equipment iaitu alat-alat dan perkakas yang diperlukan untuk melakukan kegiatan jenayah yang berkenaan. Mencuri misalnya, memerlukan alat-alat seperti pisau, pisau lipat, screw driver, gunting atau sebarang senjata yang difikirkan penting di dalam membantu mereka menjalankan 'tugas'. Alat-alat ini bukan sahaja memudahkan sesuatu kegiatan mencuri atau merompak dilakukan, malah ia memberi satu keyakinan dan semangat kepada remaja berkenaan untuk terus melakukan jenayah.

Faktor pembekalan amat penting di samping kemahiran dan keupayaan kerana tanpa bekalan ini, seseorang itu berkemungkinan tidak akan berjaya menjalankan kegiatan jenayah dengan berhasil. Ini secara tidak langsung akan mengurangkan minat mereka untuk melakukan jenayah tersebut walaupun ia pada mulanya berada ditahap rela. Faktor ini amat penting sekiranya satu-satu jenis jenayah yang hendak dilakukan itu memerlukan banyak latihan dan pengetahuan.

Faktor terpenting dan menjadi tunjang utama di sini ialah faktor sokongan sosial dan simbolik. Ianya dapat disamakan dengan maksud pergaulan. Sokongan sosial merujuk kepada bentuk-bentuk pergaulan atau rakan-rakan jahat seseorang remaja itu. Seseorang remaja yang mempunyai ramai rakan-rakan dari golongan delinkwen akan lebih mudah terdorong untuk melibatkan diri dengan jenayah.

Remaja yang mengalami hubungan atau pertalian kekeluargaan yang longgar berkemungkinan besar akan menjalinkan pertalian yang erat dengan kumpulan-kumpulan delinkwen pula. Secara tidak langsung ini akan mendorong remaja tersebut mengikut geraklaku kumpulan tersebut. Ekoran dari faktor inilah maka didapati jika seseorang remaja itu berada di peringkat 'kerelaan', mereka akan pasti meneruskan perlakuannya atau melibatkan dirinya dengan jenayah kerana interaksi dengan rakan-rakan yang nakal lebih kuat.

Ramai pengkaji barat seperti Cohen, Cloward dan Ohlin, mendapati bahawa kecenderongan remaja untuk terus melibatkan dirinya ke dalam aktiviti-aktiviti jenayah adalah berdasarkan kepada sokongan yang mereka perolehi dari peer groups dan kerosakan nilai moral. Melalui pergaulan mereka dengan rakan-rakan delinkwen, remaja berkenaan akan mudah terpengaruh dengan sikap dan kegiatan mereka yang nakal dan menyeleweng itu. Causal link antara penglibatan dan pergaulan dengan penjenayah dan melakukan jenayah itu adalah kuat.

Sokongan simbolik pula dapat dilihat melalui perlakuan remaja-remaja yang terdedah kepada sokongan sosial yang mana mempunyai lambang-lambang kegiatan jenayah (secara abstrak). Sokongan ini diperolehi atau wujud ekoran dari rasa keinginan remaja memperolehi apa yang tidak ada. Ini adalah juga ekoran dari budaya kumpulan remaja itu sendiri, yang banyak dipengaruhi oleh sikap-sikap materialistik dan kebudayaan kuning, tambahan pula persepsi atau nilai masyarakat kini yang lebih mementingkan wang dan kekayaan. Ini secara tidak langsung mendorong remaja yang

miskin itu turut sama bersikap dan berfikiran kebendaan demi untuk menyamakan kedudukan dengan masyarakat sekeliling. Keadaan ini akhirnya mendorong remaja tersebut melakukan kegiatan merompak dan sebagainya untuk memperolehi wang yang lebih supaya mereka dapat membeli apa yang mereka suka dan secara tidak langsung dapat menyamakan taraf dan kedudukan mereka dengan masyarakat sekeliling.

Sokongan simbolik sebenarnya adalah merujuk kepada idea, sementara sokongan sosial pula adalah merujuk kepada penglibatan atau pergaulan dengan rakan-rakan yang nakal. Kemungkinan justifikasi simbolik bagi satu-satu jenis jenayah tertentu timbul dari berbagai-bagai sumber lain, selain dari gang delinquency. Dari kajian-kajian yang pernah dijalankan, penentuan perlakuan jenayah adalah berakar-umbi dari formulasi yang abstrak dan bukannya penglibatan yang konkrit. Maka jelaslah bahawa penjenayahan juvena wujud hanyalah apabila ada pergabungan dari sokongan sosial dan simbolik.

Sokongan sosial dan simbolik adalah faktor asas dalam menyediakan faktor-faktor seperti pengrahsiaan, kemahiran dan pembekalan kepada pesalah-pesalah juvena. Ianya juga merupakan intisari penting di dalam pembentukan nilai dan sikap delinkwen. Memang tidak dapat dinafikan lagi bahawa pengaruh pergaulan dan rakan-rakan sebaya sedikit-sebanyak akan meninggalkan implikasi yang tertentu ke atas seseorang individu itu. Pengaruh rakan-rakan delinkwen amat penting dalam membentuk peribadi seseorang remaja itu. Ini sesuai dengan teori Differential

Association oleh Sutherland yang antara lainnya berpendapat bahawa tingkah laku jenayah itu dipelajari;

> "Criminal behaviour is learned ..... Involve skills, codes and a definition of the situation as appropriate, crime and deviance are learned in the same way as conventional behaviour". (Davis N. J., 1975 : 134).

> "When criminal behaviour is learned, the learning includes techniques of commiting the crime .... and the specific directions of motives, drives, rationalization and attitudes". (Davis N. J., (ibid) 1975 : 135)

Dua petikan di atas jelas memperlihatkan bahawa pengaruh pergaulan dengan rakan-rakan nakal boleh menyediakan asas untuk melakukan jenayah. Dari pergaulannya, remaja tersebut dapat mempelajari kemahiran kod dan etika jenayah kerana pelajaran tersebut adalah meliputi keseluruhan teknik-teknik melakukan jenayah. Yang jelasnya, dengan mempunyai atau kehadiran sokongan sosial dan simbolik ini, remaja berkenaan secara tidak langsung berjaya memperolehi faktor-faktor kemudahan yang lain seperti kemahiran, pembekalan dan pengrahsiaan.

Melalui pergaulan remaja dengan rakan-rakannya yang delinkwen juga, sikap yakin dan percaya bahawa ia tidak akan ditangkap akan timbul. Dari pergaulannya, remaja berkenaan mendapati ramai dari rakan-rakannya itu jarang atau tidak pernah ditangkap apabila melakukan jenayah. Ini secara tidak langsung mendorong dan menaikkan semangatnya untuk melakukan jenayah. Baginya, melakukan rompakan dan seumpamanya adalah merupakan satu jalan yang mudah untuk memperolehi apa yang dihajati tanpa memikirkan bahawa diri dan kegiatannya itu akan dikesan.

Tambahan pula ia yakin rakan-rakannya itu akan melindunginya dari dikesan oleh pihak berkuasa. Ini sudah pasti akan mendorong remaja tersebut untuk terus melakukan jenayah.

Kemahiran yang paling berkesan juga adalah diperolehi melalui interaksi dan pergaulan remaja tersebut dengan rakan-rakan yang telah sedia nakal. Remaja yang telah sedia longgar ikatan kekeluargaannya sudah pasti akan mengikuti jejak rakan-rakannya itu. Melalui pergaulan sesama mereka, remaja tersebut diajar dengan teknik-teknik dan cara-cara melakukan jenayah dengan lebih teratur dan licin. Kemahiran ini juga boleh diperolehi melalui media massa. Sebenarnya kemahiran boleh diperolehi melalui berbagai-bagai cara. Apa yang penting di sini ialah keinginan remaja tersebut 'belajar' dan seterusnya melibatkan diri mereka dengan jenayah tanpa ragu-ragu lagi.

Pengaruh pergaulan ini sememangnya amat penting. Pergaulan atau faktor sokongan sosial dan simbolik juga dapat menyediakan seseorang remaja itu dengan faktor pembekalan. Seperti yang telah sedia dimaklumkan, setiap kumpulan jahat itu memiliki atau mempunyai berbagai-bagai alat dan senjata untuk melakukan jenayah terutama terhadap harta benda. Oleh itu, remaja yang telah longgar ikatan sosialnya dengan masyarakat konvensional dan keluarga, akan mudah bergaul dengan kumpulan-kumpulan begini. Dari rakan-rakan beginilah mereka boleh memperolehi segala alat-alat untuk merompak, mencuri, pecah rumah dan seumpamanya. Malahan bagi apa jua faktor sekalipun, penglibatan remaja yang sedang dalam keadaan rela dengan rakan-rakan delinkwen pasti akan terus melibatkan dirinya dengan jenayah.

Melalui interaksi tersebut jugalah remaja yang berkenaan akan memperolehi kemahiran dan bekalan yang dapat membantunya di dalam menjayakan lagi kegiatannya itu. Melalui persekitaran yang sesuai khasnya perhubungan yang rapat dengan <u>delinquent gang</u> yang menyediakan sokongan sosial yang simbolik, remaja yang berkenaan pasti tidak dapat melepaskan diri dari lingkaran jenayah. Ini dapat dilihat melalui kenyataan berikut;

> "The individual must have <u>access</u> to appropriate environments for the acquisition of values and skills associated with the performances of a particular role". (Knudten & Schafer; op. cit 1970 : 117).

Jelasnya, melalui penglibatan seseorang remaja yang telah memang sedia rela untuk melakukan jenayah dengan mempraktikkan jenayah tersebut adalah bergantung kepada penglibatannya yang stabil dan berterusan dengan rakan-rakan delinkwen yang telah sedia ada. Mereka diberikan persediaan dalam membentuk nilai-nilai jenayah dan kemahiran yang diperlukan di dalam partisipasi mereka dengan budaya penjenayah.

Justeru itu tidak dapat dinafikan bahawa pengaruh rakan-rakan nakal sudah pasti memberi implikasi yang negatif. Malahan dengan kehadiran faktor-faktor kemudahan seperti sokongan sosial dan simbolik ini, remaja yang berada di peringkat kerelaan akan lebih mudah memperolehi segala faktor kemudahan seperti kemahiran, rahsia dan pembekalan pula. Ini sudah pastilah akan memudahkannya terpengaruh ke arah penjenayahan.

Walau bagaimanapun, kebebasan berlebihan yang diperolehi oleh seseorang remaja itulah yang bakal menentukan penglibatan mereka dengan

rakan-rakan yang jahat atau nakal ini. Dari kajian yang telah dijalankan (Jadual 3.6, m.s. 5 5), pengkaji mendapati hanya sebilangan kecil sahaja pesalah juvena yang dikongkong kebebasannya, sedangkan lebih separuh dari mereka menerima kebebasan yang luas. Kebebasan yang diperolehi tersebut telah mereka salah gunakan.

Ramai dari remaja yang telah longgar ikatan sosialnya dari keluarga dan masyarakat pasti akan mendekatkan dirinya dengan kumpulan delinkwen. Ini seolah-olah telah menjadi trend atau pola yang universal pula. Penglibatan tersebut mungkin merupakan sebagai tempat pergantungan bagi remaja-remaja yang telah putus hubungan sosial dengan keluarganya. Apa yang jelas ialah pengaruh pergaulan meninggalkan implikasi yang kuat ke atas personaliti remaja di samping tindakan keluarganya.

Berdasarkan kepada persepsi responden sendiri pengkaji dapat mengkategorikan rakan-rakan mereka kepada dua kelompok iaitu nakal dan tidak nakal. Nakal di sini bererti sentiasa ponteng, malas ke sekolah dan pernah melibatkan diri dengan kes-kes jenayah. Tidak nakal pula adalah mereka yang sukakan sekolah, berbudi bahasa dan tidak pernah terlibat dengan jenayah.

Jadual 4.1 menunjukkan majoriti atau jenis rakan-rakan responden yang paling banyak sekali, sama ada nakal atau tidak nakal. Berdasarkan kepada jadual tersebut jelas menunjukkan majoriti dari rakan-rakan pesalah juvena adalah nakal. Sebanyak 27 orang (90%) dari pesalah juvena mempunyai majoriti rakan-rakan yang nakal dan hanya segelintir

Jadual 4.1

Responden Dan Majoriti Jenis Rakan-rakannya

| Jenis Rakan | Pesalah Juvena | | Bukan Pesalan Juvena | |
|---|---|---|---|---|
| | Bil. | % | Bil. | % |
| Nakal | 27 | 90 | 5 | 17 |
| Tidak nakal | 3 | 10 | 25 | 83 |
| Jumlah | 30 | 100 | 30 | 100 |

kecil mempunyai majoriti rakan-rakan yang tidak nakal. Ramai dari rakan-rakan nakal tersebut terdiri dari penganggur dan 'kutu rayau'.

Bagi responden bukan pesalah juvena pula majoriti dari rakan-rakan mereka adalah terdiri dari pelajar-pelajar yang rata-ratanya boleh dikategorikan sebagai tidak nakal. Dari jadual, mereka yang mempunyai lebih ramai sahabat yang tidak nakal adalah ramai iaitu 25 orang (83%) dan hanya 5 orang (17%) dari mereka yang mempunyai lebih ramai kawan nakal. Namun mereka dari kumpulan ini tidak menjadi penjenayah kemungkinan besar kerana ikatan sosial mereka dengan keluarga dan masyarakat adalah erat. Dan kemungkinan juga rakan-rakan tersebut hanyalah kenalan biasa atau <u>acquaintance</u> sahaja.

Jadi jelaslah dari jadual tersebut bahawa pesalah juvena tersebut lebih berminat bergaul dengan mereka yang nakal. Ini mungkin di-

dorong oleh gaya hidup golongan yang nakal ini yang sentiasa bebas dari sebarang ikatan. Ini bukan sahaja menarik minat dan sifat golongan remaja yang sering aggresif dan inginkan kebebasan, malahan rakan-rakan tersebut merupakan sebagai satu security bagi remaja-remaja yang telah putus ikatan sosialnya dengan masyarakat konvensional.

Pengaruh pergaulan amat penting di dalam menentukan arah perlakuan yang menyeleweng ataupun sebaliknya. Namun yang ditekankan di sini ialah pergaulan remaja yang ditahap rela dengan rakan-rakan delinkwen. Ini boleh dibuktikan melalui Jadual 4.2 yang menunjukkan darjah pergaulan responden dengan rakan-rakan delinkwen.

Jadual 4.2

Darjah Pergaulan Responden Dengan Rakan Delinkwen

| Darjah Pergaulan | Pesalah Juvena | | Bukan Pesalah Juvena | |
|---|---|---|---|---|
| | Bil. | % | Bil. | % |
| Menyeluruh (total) | 23 | 77 | 2 | 7 |
| Sebahagian (partial) | 6 | 20 | 4 | 13 |
| Tiada langsung (nil) | 1 | 3 | 24 | 80 |
| Jumlah | 30 | 100 | 30 | 100 |

Dari Jadual 4.2 jelas memperlihatkan bahawa penglibatan pesalah juvena yang secara menyeluruh adalah seramai 23 orang (77%), sederhana 6 orang (20%) dan tidak melibatkan diri langsung dengan pergaulan nakal

hanyalah seorang (3%). Namun pengkaji tidak berapa yakin dengan pengakuan ini. Penglibatan responden yang bukan pesalah juvena dengan rakan-rakan nakal secara menyeluruh pula amatlah kecil bilangannya iaitu cuma 2 orang (7%), sebahagian sahaja sebanyak 4 orang (13%) dan tiada langsung adalah yang paling banyak iaitu 24 orang (80%). Ini menunjukkan bahawa pesalah juvena yang pada mulanya telah longgar atau terputus hubungan dan ikatan sosialnya dengan keluarga dan masyarakat, akan lebih cenderung untuk melibatkan dirinya dengan kumpulan-kumpulan delinkwen. Penglibatan mereka ini seolah-olah sebagai pengganti tempat keluarga asal mereka. Cara dan amalan hidup kumpulan nakal ini akhirnya akan menyerap dan sebati dengan kehidupan remaja tersebut. Penglibatan yang maksima atau menyeluruh dengan gaya hidup dan budaya penjenayah, telah menjadikan remaja berkenaan mudah melibatkan dirinya dengan jenayah.

Sebagai rumusannya bolehlah dianggap bahawa pengaruh pergaulan yang tidak sihat iaitu faktor sokongan sosial dan simbolik amat penting dalam menentukan sama ada remaja tersebut akan meneruskan kegiatan jenayahnya ataupun tidak. Namun begitu, tidaklah dapat kita nafikan bahawa ada faktor-faktor atau elemen lain yang boleh mempengaruhi perlakuan individu tersebut. Tetapi pengaruh rakan-rakan yang nakal lebih penting dan merupakan intisari utama dalam mendorong remaja yang berada ditahap kerelaan untuk terus menjerumuskan dirinya ke lembah jenayah. Ini sesuai dengan kenyataan berikut;

> ".... The principal part of the learning of criminal behaviour occurs within intimate personal groups .... Impersonal agencies of communication (e.g. films,

newspapers and other media) play a relatively unimportant part in the specific process of deviant learning". (Davis N. J., (op. cit) 1975 : 135).

Maka jelaslah bahawa perlakuan dan kegiatan pesalah juvena akan terus meningkat sekiranya remaja-remaja yang terlibat berada ditahap kerelaan berjaya memperolehi atau terdedah kepada faktor-faktor kemudahan yang dibincangkan tadi dan terutamanya kepada faktor sokongan sosial dan simbolik. Menurut Hirschi pengaruh kawan-kawan atau companionship ini mungkin amat penting di dalam mempengaruhi seseorang remaja itu untuk melakukan jenayah, terutamanya di kalangan juvena lelaki.

4.3 Faktor 'Moral Holiday'

Satu lagi dari faktor yang memudahkan seseorang yang berada ditahap rela terus melibatkan dirinya dengan jenayah ialah moral holiday. Ianya merujuk kepada satu sikap yang tidak disedari, di mana dalam jangka masa yang tertentu remaja yang terlibat akan mengenepikan segala pertimbangan moral mereka. Disebabkan oleh sesuatu desakan yang melampau, mereka akan melakukan apa sahaja tanpa mengira sama ada ianya baik atau tidak.

Moral holiday boleh juga dianggap wujud ekoran atau implikasi dari kesemua faktor-faktor kemudahan yang telah dijelaskan tadi. Ini adalah kerana akibat dari no fear of detection, supply easy to require, skills that are similar to conventional skills, social and symbolic support for delinquency, seseorang itu mudah terdorong untuk melakukan

jenayah. Faktor ini agak berbeza sedikit dari faktor-faktor yang telah dihuraikan tadi dalam erti kata, ianya tidak diperolehi melalui interaksi atau pergaulan dengan rakan-rakan yang nakal. Apa yang ditekankan oleh faktor ini ialah keadaan yang wujud dalam diri atau konflik diri yang dialami oleh remaja itu sendiri. Walau bagaimanapun kehadiran sokongan sosial ke atas remaja yang dalam keadaan konflik akan mempercepatkan lagi rasa dan dorongan mereka untuk melakukan jenayah.

Justeru itu dapatlah disimpulkan bahawa moral holiday wujud dalam keadaan-keadaan yang terdesak atau dalam keadaan yang desperate yang mana remaja tersebut benar-benar cemas dan terpaksa memilih jenayah sebagai jalan keluar atau keinginannya untuk mendapatkan sesuatu barang itu adalah tinggi. Dalam keadaan tertentu misalnya, remaja tersebut mengalami kesesakan wang yang mendesak ekoran dari malapetaka yang telah terjadi ke atasnya. Dalam keadaan begini ia mungkin hilang akal dan pertimbangan. Kerana dorongan yang terlalu kuat ini, sedangkan ia telah kehilangan keupayaan dan wang, maka ia tidak akan berfikir lebih panjang lagi lalu terus melakukan apa saya yang terlintas difikirannya di saat itu terutamanya sesuatu yang boleh menguntungkannya. Pada saat itu juga kemungkinan besar ia akan menolak segala pertimbangan moral yang sepatutnya ada.

Melalui sokongan sosial dan simbolik, dapat dilihat bagaimana faktor moral holiday ini boleh terlahir. Melalui pergaulan, remaja tersebut mudah terikut-ikut dengan apa yang dilakukan oleh rakan-rakannya itu. Memang tidak dapat dinafikan bahawa dalam setiap kumpulan delin-

kwen, ketagihan rokok dan dadah amatlah tinggi. Remaja yang melibatkan diri dengan kumpulan-kumpulan begini juga pasti mengalami rasa ketagihan tersebut. Dari kajian yang dijalankan, pengkaji mendapati ramai dari pesalah juvena tersebut dari golongan yang miskin, maka untuk mendapatkan wang bagi membeli apa yang ditagihkan itu telah mendorong remaja tersebut melakukan rompakan atau aktiviti yang seumpamanya. Itu sahaja yang boleh mereka lakukan memandangkan penglibatan mereka dengan budaya delinkwen sudah mulai sebati. Mereka tidak ragu-ragu lagi untuk terus melakukan sesuatu yang bertentangan dengan norma-norma masyarakat. Ekoran dari rasa desperate yang wujud dari sokongan dan pengaruh rakan-rakan dan ketagihan merokok atau dadah telah menyebabkan remaja tersebut melakukan apa sahaja bagi mendapatkan wang untuk memuaskan desakan atau dorongan nafsu mereka. Mereka menjadi lupa atau gelap mata sehingga menolak segala pertimbangan moral.

Maka jelaslah kepada kita bahawa pesalah-pesalah remaja adalah mereka yang pernah mengalami atau mempunyai sifat moral holiday pada waktu-waktu tertentu. Dengan adanya faktor-faktor ini juga bererti mereka tidak akan merasa was-was atau ragu-ragu lagi untuk melakukan jenayah. Sebaliknya perbuatan yang wujud dari rasa yang mendesak telah menimbulkan pula satu excitement semata-mata dari perlakuan dan perbuatan jenayah tersebut. Pertimbangan moral atau baik-buruk kesan dari perlakuan mereka itu langsung tidak difikirkan. Mereka lebih mementingkan semata-mata keuntungan yang bakal diterima. Dari temubual yang telah dijalankan, pengkaji mendapati sebahagian besar dari pesalah juvena tersebut tidak tahu apa tujuan sebenarnya mereka mencuri,

University of Malaya

merompak dan seumpamanya. Dan, ada juga yang berpendapat ia hanyalah sekadar suka-suka sahaja. Tetapi tidak dapat dinafikan, faktor ini wujud melalui sesuatu tekanan yang mendesak ke atas remaja tersebut sehingga akhirnya mereka hilang pegangan.

Jadual 4.3

Sebab-sebab Pesalah Juvena Melakukan Jenayah
(berdasarkan pada persepsi mereka sendiri)

| Sebab-sebab Terlibat | Bilangan | % |
|---|---|---|
| Tidak ada wang | 9 | 30 |
| Pengaruh rakan-rakan | 11 | 37 |
| Tiada sebab (sengaja suka-suka) | 5 | 17 |
| Ketagihan (rokok/dadah) | 4 | 13 |
| Tidak tahu | 1 | 3 |
| Jumlah | 30 | 100 |

Faktor moral holiday ini dapat dibuktikan melalui Jadual 4.3 yang menunjukkan sebab-sebab mereka melakukan jenayah berdasarkan kepada persepsi mereka sendiri. Dari jadual tersebut ternyata bahawa 5 orang (17%) daripada mereka melakukan jenayah atas dasar suka-suka sahaja. Walaupun peratusannya lebih kecil dari yang terdesak, namun ianya tidak dapat diabaikan kerana 17% itu juga merupakan satu jumlah yang membim-

University of Malaya

bangkan sekiranya dibiarkan berlanjutan. Dari jumlah keseluruhan, 11 orang (37%) darinya mengaku mencuri kerana pengaruh rakan-rakan, 9 orang (30%) melakukannya kerana tiada wang atau kemiskinan yang mendesak sehingga memaksa dan mendorong mereka melakukan jenayah berkenaan. Ini menunjukkan bagaimana keadaan tersebut telah menyebabkan pesalah juvena menolak segala pertimbangan moral. Tanpa memikirkan akibat yang bakal terjadi, mereka akan terus melakukan kegiatan jenayah, mencuri atau pecah rumah misalnya, semata-mata untuk memuaskan dan memenuhi desakan tersebut. Walau bagaimanapun perlu diingatkan bahawa sebenarnya setiap tindak-tanduk pesalah juvena tersebut berkemungkinan dipengaruhi oleh lebih dari satu sebab.

Peratusan dalam jadual di atas jelas memperlihatkan bahawa pengaruh sahabat yang liar dan nakal boleh mendorong seseorang remaja itu jatuh ke lembah jenayah. Rakan-rakan delinkwen ini bolehlah dianggap sebagai penyedia sokongan sosial dan simbolik yang penting ke arah kegiatan penjenayahan. Dengan memiliki rakan-rakan yang sedemikian juga mereka akan mudah mengenepikan segala pertimbangan moral yang sewajarnya. Dalam keadaan-keadaan begini, remaja yang berkenaan tidak lagi dapat memikirkan akibah-akibah buruk yang bakal diterima melalui perbuatan jenayah mereka. Tambahan pula remaja lelaki di peringkat umur yang muda akan mudah menerima sesuatu yang berunsur kelakian atau mencabar ego kelakian mereka. Maka, perlakuan-perlakuan nakal yang diperolehi dari sokongan sosial dan simbolik tersebut lebih menarik minat mereka. Mereka akan lekas terdorong dengan hasutan dan ajakan rakan-

rakan mereka untuk melakukan sesuatu kesalahan atau perbuatan yang bertentangan dengan undang-undang.

4.4 Kesimpulan

Maka jelaslah kepada kita bahawa implikasi dari kerelaan yang dihasilkan melalui ikatan sosial yang longgar akan mendorong seseorang remaja itu melakukan jenayah sekiranya terdapat faktor-faktor yang memudahkan lagi ke arah kegiatan tersebut. Justeru itu kita dapati walaupun seseorang remaja itu pada mulanya (secara abstrak) rela untuk melibatkan dirinya dengan jenayah, namun ia tidak akan terus melakukannya sehinggalah setelah ia mengambilkira atau memikirkan ganjaran-ganjaran yang bakal diterima dari perlakuan-perlakuan nakalnya itu. Seseorang pesalah juvena juga seringkali, melalui persepsinya akan mengukur dan menimbangkan kos yang terpaksa diambil kira terlebih dahulu melalui faktor-faktor seperti pengrahsiaan, kemahiran, pembekalan, sokongan sosial dan simbolik serta <u>moral holiday</u>. Sekiranya ia yakin bahawa ia akan memperolehi ganjaran yang menguntungkan daripada 'pekerjaannya' itu, maka barulah ia akan melibatkan dirinya dengan kegiatan jenayah tersebut. Desakan-desakan yang tertentu juga boleh membuatkan seseorang remaja itu hilang pertimbangan dan tidak ragu-ragu atau segan lagi untuk terus melakukan jenayah.

Dari huraian-huraian yang telah diterangkan tadi, dapatlah dianggarkan bahawa seorang pesalah juvena adalah individu yang telah terputus ikatan sosialnya dari keluarga dan masyarakat konvensional. Penjenayah juvena ini adalah golongan remaja yang mempunyai pertalian,

partisipasi dan penglibatan yang kurang dengan keluarga dan masyarakat. Mereka seolah-olah terasa disingkir dan diketepikan. Ini membuatkan mereka mudah menolak dan melanggar undang-undang serta norma-norma dalam masyarakatnya. Akhirnya mereka dengan sendirinya akan mula rela untuk melakukan kegiatan-kegiatan yang bertentangan dengan undang-undang kerana merasakan yang mereka tidak akan mengalami apa-apa kerugian dari tindakan tersebut.

Dari kerelaan, remaja tersebut tidak akan terus melakukan jenayah. Ditahap ini mereka akan memikirkan apakah ganjaran yang bakal diperolehi dari perbuatan mereka itu; adakah ianya selari atau sepadan dengan effort yang digunakan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, sekiranya wujud faktor-faktor kemudahan yang telah diterangkan tadi kemungkinan besar remaja tersebut akan terus melibatkan dirinya dengan jenayah. Ini memandangkan kegiatan mereka pasti akan lebih mudah dan mendatangkan kejayaan melalui atau adanya faktor-faktor yang berkenaan.

Di dalam melihat faktor-faktor kemudahan ini, pengaruh atau pergaulan dengan rakan-rakan delinkwen merupakan faktor terpenting di dalam mendorong seseorang remaja yang telah longgar ikatan sosialnya ke lembah jenayah. Malahan melalui pergaulan mereka dengan delinquent gang ini mereka boleh memperolehi segala sokongan untuk mencuri ataupun segala perkara-perkara yang berkait dengan kelicinan jenayah. Menurut Shaw (1938);

> "A carrier in delinquency may engage as a product of the natural processes of learning and habituating under certain group influences, just as attitudes,

interests and habits of conventional character may be formed in other group situation". (Knudten & Schafer (op. cit) 1970).

Ini jelas menunjukkan betapa pentingnya peranan kumpulan delinkwen tersebut di dalam mempengaruhi tingkahlakunya.

Secara ringkasnya dapatlah dianggap bahawa jika seseorang remaja yang rela melakukan jenayah telah mengambil kira dan memperolehi faktor-faktor seperti kemahiran, pengrahsiaan, pembekalan, sokongan sosial dan simbolik serta moral holiday besar kemungkinan ia akan terus mempraktikkan perlakuan jenayah tersebut. Walau bagaimanapun, tidak semua faktor tersebut harus bertindak dan wujud serentak dalam menentukan sama ada remaja tersebut terpengaruh untuk melakukan jenayah ataupun tidak. Kemungkinan hanya kombinasi sebahagian daripadanya sahaja yang berguna atau lebih penting mempengaruhi di dalam menjalankan satu-satu jenis atau bentuk jenayah itu. Namun begitu, jika kesemua faktor tersebut hadir, peluang dan darjah remaja tersebut untuk melibatkan diri dengan jenayah adakah lebih tinggi.

Seringkali juga ekoran dari keyakinan bahawa aktiviti mereka tidak akan dikesan serta adanya sokongan sosial dan simbolik dengan rakan-rakan yang nakal akan berupaya menggalakkan seseorang itu terlibat dengan jenayah. Walau bagaimanapun faktor-faktor kemudahan yang didedahkan kepada pesalah juvena adalah merupakan sebagai sesuatu yang mempercepatkan lagi atau mengekalkan tingkah laku delinkwen mereka. Ianya bertindak sebagai satu catalyst kepada perlakuan jenayah ke atas individu

yang telah mulai longgar ikatan sosialnya. Sudah pastilah mereka yang berada di dalam keadaan dilema ini akan mudah terpengaruh dengan sesuatu isu yang simpel serta dapat pula selesaikan masalah yang sedang mereka hadapi.

Maka jelaslah kepada kita bahawa dari tahap kerelaan inilah maka seseorang remaja itu dengan faktor-faktor kemudahan yang wujud, akan mudah terjerumus ke lembah jenayah. Dengan erti kata lain, jika terdapat faktor-faktor tersebut (setelah perasaan rela untuk melakukan jenayah disemai), maka seseorang itu kemudiannya akan menjelmakan kehendak hati dan idea penjenayahan tersebut ke dalam bentuk-bentuk perlakuan yang konkrit. Walau bagaimanapun perlulah diingati bahawa faktor-faktor kemudahan ini adalah merupakan sesuatu akibat atau kesan yang belum tentu sebagai menuju ke arah penjenayahan.

# BAB 5

## KESIMPULAN

Jenayah juvena merupakan satu masalah sosial yang amat membimbangkan. Sekiranya ia dibiarkan berlanjutan, kemungkinan negara akan turut terancam. Justeru itu, wujud pihak-pihak tertentu yang sedar akan bahaya masalah sosial ini. Mereka juga telah mencari jalan untuk mengurangkannya, namun begitu bilangannya tidak dapat dibanggakan. Mana-mana masyarakat pun tidak terlepas dari menghadapi masalah sosial ini. Ianya membebankan dan merupakan kos sosial yang tinggi, baik dari segi punca keluaran individu mahupun produktiviti dan ekonomi negara. Ia bukan sahaja merugikan diri remaja itu sendiri malahan akan menjejaskan norma, nilai, susila dan fungsi keluarga dan masyarakat yang boleh mengakibatkan kehidupan yang tidak stabil dan harmoni. Oleh itu punca masalahnya haruslah dikesan dan faktor-faktornya dikenal-pasti demi untuk mencegahnya sebaik mungkin.

Di dalam melihat sebab-sebab yang mempengaruhi masalah jenayah juvena ini, pengkaji telah menggunakan pendekatan Teori Kawalan oleh Travis Hirschi. Berdasarkan teori ini pengkaji telah melihat sama ada benar atau tidak perlakuan penyelewengan oleh remaja-remaja didorong oleh ikatan sosial mereka yang telah renggang atau longgar. Empat elemen yang telah dilihat dan dikaji sebagai inti penting kajian ini ialah mengenai darjah pertalian, partisipasi, penglibatan dan kepercayaan remaja tertentu khasnya pesalah juvena terhadap orang-orang di seke-

liling mereka. Berdasarkan elemen-elemen ini telah dibuat satu korelasi ke atas perlakuan-perlakuan pesalah juvena.

Pengkaji juga merasakan, semata-mata empat elemen ini sahaja di dalam social bond tidak akan berjaya mendorong individu ke lembah jenayah. Mungkin elemen-elemen tersebut bertindak sebagai 'penggerak' yang mempercepatkan kerelaan individu itu sahaja terhadap jenayah tetapi belum sampai menolaknya ke lembah jenayah. Dengan itu, pengkaji sedar bahawa faktor tersebut dianggap sebagai faktor kemudahan yang merangkumi faktor-faktor seperti kemahiran, pengrahsiaan, pembekalan, sokongan sosial dan simbolik serta moral holiday. Pengkaji melihat kesemua faktor ini sebagai pendorong yang memungkinkan mereka terjerumus ke lembah jenayah.

Di dalam Bab 3 dan 4, pengkaji telah menerangkan bagaimana akibat daripada kelonggaran ikatan sosial, seseorang remaja itu boleh terdorong ke arah jenayah. Keadaan akan menjadi lebih membimbangkan sekiranya individu tersebut didedahkan kepada faktor-faktor kemudahan tersebut yang mana boleh menolaknya terus ke arah penjenayahan.

Dari kajian yang telah dijalankan, pengkaji mendapati bahawa masyarakat dan keluarga amat berpengaruh di dalam mendorong seseorang remaja itu ke arah jenayah. Bentuk-bentuk ikatan sosial yang dialami oleh remaja akan menentukan bentuk personaliti dan perlakuannya. Pengkaji juga telah mendapati bahawa majoriti dari pesalah-pesalah juvena tersebut adalah mereka yang telah terungkai ikatan sosialnya. Setiap masyarakat telah menetapkan atau mempunyai expectation yang tersendiri

terhadap ahli-ahlinya. Maka setiap ahlinya harus mematuhi harapan tersebut. Expectation ini merupakan sebagai satu sanction pula sehingga remaja tersebut merasakan diri mereka dikongkong dan tidak bebas. Setiap gerak-geri mereka akan menjadi perhatian ramai, sehingga kegiatan mereka menjadi tersekat. Remaja dari kategori ini merasakan itu adalah tidak wajar sehingga akhirnya mereka akan cuba melarikan diri dari masyarakat dan keluarga yang dianggap terlalu menekan itu.

Pengkaji juga telah mendapati ada antara pesalah-pesalah juvena tersebut yang tidak pula menunjukkan sifat-sifat yang aggresif dan jahat. Malahan mereka ini kelihatan begitu sopan dan pendiam. Setelah disoal oleh pengkaji mengapa mereka mencuri, ramai darinya mengatakan mereka berasal dari keluarga miskin yang sentiasa kesempitan wang. Tambahan pula, sekiranya mereka mencuri pun, tiada siapa yang akan peduli atau marah. Malahan, ada yang melakukannya kerana keluarga sendiri yang tidak pernah menjaga atau memberikan kasih sayang serta didikan yang sempurna kepada pesalah-pesalah juvena ini. Menurut seorang pesalah juvena, ia mencuri kerana memang hendak ditangkap supaya kelak akan dihantar ke sekolah akhlak. Di situ nanti ia boleh belajar. Ini menunjukkan bahawa remaja tersebut tidak mempunyai pertalian dengan kedua orang tuanya dan keluarganya yang lain. Anak berkenaan tidak mendapat kasih sayang dan penjagaan yang sempurna.

Pengkaji juga mendapati remaja yang terlibat dengan jenayah adalah ekoran dari persepsi masyarakat terhadap mereka. Masyarakat terlalu mementingkan hal-hal kebendaan dan memandang rendah kepada keluarga

pesalah-pesalah ini yang rata-ratanya adalah miskin. Tambahan pula, masyarakat sendiri telah menetapkan nilai-nilai dan norma-norma yang harus diikuti olehnya. Kerana remaja di peringkat umur begini biasanya bersifat aggresif dan menentang sesuatu yang ditentukan atau social order, maka mereka akan berkelakuan sesuatu yang menyeleweng dari kepercayaan dan kehendak umum. Segala norma-norma yang telah ditetapkan oleh masyarakat telah mereka tolak. Tambahan pula, remaja yang menolak undang-undang, norma dan kepercayaan yang telah ditetapkan oleh masyarakat, adalah kerana mereka tidak mempunyai lagi apa-apa pertalian, partisipasi dan penglibatan yang kukuh dengan keluarga dan ini dengan memudah mereka bergaul dan berkelakuan sesuka hati. Mereka merasakan yang mereka tidak akan merugikan atau menyakiti hati sesiapa pun memandangkan bahawa semua orang sudah 'tidak peduli' atau 'tidak suka' pada mereka. Ekoran dari perasaan beginilah akhirnya remaja tersebut rela untuk melibatkan dirinya dengan jenayah.

Walau bagaimanapun di peringkat begini, remaja yang berkenaan masih boleh dibaiki atau dipimpin ke jalan yang benar sekiranya ada pihak-pihak yang tertentu seperti keluarga dan masyarakatnya, cepat menyedari kesilapan mereka dan sanggup menerima dan membimbing semula remaja tersebut. Tetapi sekiranya masyarakat dan keluarga masih tidak mempedulikan mereka maka mereka akan bergaul dengan kumpulan delinkwen untuk mendapatkan tempat pergantungan. Melalui pergaulan ini, remaja yang berkenaan akan memperolehi segala kemudahan untuk melakukan jenayah. Kemudahan-kemudahan ini akan meninggalkan implikasi yang

negatif kepada tingkahlaku remaja yang sedang 'rela' untuk terus melibatkan dirinya dengan jenayah. Melalui sokongan sosial dan simbolik yang mereka perolehi dari rakan-rakan yang nakal, membolehkan remaja tersebut memperolehi pula kemahiran dan bekalan yang dapat membantu mereka menjayakan satu-satu bentuk jenayah itu dengan lebih licin dan berkesan.

Pergaulan dengan rakan-rakan delinkwen telah memberikan remaja yang telah longgar ikatan sosial semangat dan keyakinan bahawa 'rompakan' yang bakal mereka lakukan itu pasti menerima ganjaran yang memuaskan. Melalui backing atau sokongan dari rakan-rakannya itu, telah mengurangkan rasa takut mereka terhadap undang-undang dan polis. Mereka yakin dengan sokongan rakan-rakan itu, mereka akan tetap berjaya. Dan, mereka juga yakin bahawa kegiatan mereka itu tidak akan dijejaki polis memandangkan rakan-rakan mereka yang 'jahat' itu juga masih berjaya melepaskan diri atau mengelakkan diri dari undang-undang atau ditangkap. Dalam konteks ini, pengaruh media massa seperti rancangan-rancangan televisyen tentang kehidupan mewah yang dimiliki oleh penjahat-penjahat dapat mempengaruhi perlakuan mereka. Tambahan pula, mereka merasakan bahawa 'orang jahat' juga ramai yang telah berjaya melepaskan diri dari cengkaman undang-undang. Tanggapan yang disemai difikiran mereka ini sekiranya dibajai oleh hasutan rakan-rakan akan memudahkan lagi mereka memperolehi kemahiran dan bekalan sehingga mendorong remaja berkenaan terus ke lembah jenayah.

University of Malaya

Yang jelasnya, antara sebab-sebab utama yang membolehkan seseorang remaja itu terdorong atau terpengaruh untuk melakukan jenayah adalah kerana pergaulan mereka yang luas dengan rakan-rakan delinkwen. Kerana harapan mereka untuk diterima dan disukai oleh kumpulan tersebut, mereka akan melakukan apa sahaja yang disuruh. Ramai remaja yang terlibat dengan kumpulan nakal ini melakukan jenayah seperti mencuri kerana beberapa sebab, misalnya, ingin meniru rakan-rakan; disuruh, dibuli, digertak atau dicabar mencuri serta terpengaruh dengan pengalaman dan kejayaan mencuri rakan-rakannya itu. Pengaruh sokongan sosial ini sangat penting kerana ia menyediakan asas keyakinan bagi seseorang remaja untuk terus mempraktikkan jenayah.

Tanpa ajaran agama yang sempurna juga akan memudahkan lagi seseorang remaja itu berkelakuan menyeleweng dari norma-norma masyarakat sehingga memudahkan mereka terdorong ke lembah jenayah. Walau bagaimanapun, dalam melihat aspek kekurangan didikan agama ini, faktor sosialisasi amat penting sebagai agen pendidikan kepada remaja tersebut. Menurut Thomas M. Gannon;

> "The effectiveness of religion depends upon the internalization of standards during the critical formative years of childhood and is developed through close identification with parents, family members and other significants groups". (Wolfgang, Savitz, Johnston 1970 : 508).

Jelasnya di sini, ikatan sosial itu amat penting sebagai penentu perlakuan individu. Sekiranya remaja tersebut mempunyai rasa penglibatan, partisipasi dan pertalian yang erat dengan keluarga dan masyarakat

sekeliling, mereka akan mudah menerima ajaran agama yang diberikan. Dengan erti kata lain, sejauh mana pendidikan agama itu berkesan atau tidak adalah bergantung kepada bentuk sosialisasi yang mereka terima sejak awal lagi. Ini menunjukkan betapa pentingnya faktor ikatan sosial itu terhadap menentukan perlakuan individu-individu terutama remaja yang sedang mengalami proses atau peringkat perubahan dalam umur dan kehidupan mereka.

Di samping faktor ikatan sosial dan kemudahan yang telah dihuraikan tadi, pengkaji juga merasakan pengaruh biologi dan psikologi tetap ada di dalam mempengaruhi seseorang itu untuk melakukan jenayah, walaupun sedikit. Daripada 30 responden dari STBT yang ditemui, empat dari mereka melakukan jenayah kerana didorong oleh penyakit gila babi (epilypsy) dan sakit jiwa. Walau bagaimanapun, faktor ini tidak boleh berdiri dengan sendirinya kerana lain-lain faktor yang diperkatakan tadi turut sama mempengaruhi remaja tersebut dalam tingkah laku mereka. Misalnya, jika remaja tersebut dari keluarga yang kaya, sudah tentulah penyakit yang mereka alami itu akan diubati dan kemungkinan besar ini dapat mengelakkan mereka berkelakuan menyeleweng. Seseorang itu juga tidak akan mengalami sakit jiwa sekiranya mereka mempunyai perhubungan kekeluargaan dan persekitaran yang stabil dan memuaskan. Tekanan perasaan yang wujud dan mendorong mereka ke arah jenayah ini timbul dari keadaan masyarakat sekeliling yang mana dirasakan terlalu berat untuk pesalah-pesalah juvena itu memikulnya.

Maka, dari huraian yang telah diberikan di atas, dapatlah kita fahami mengapa seseorang remaja itu terpengaruh ke lembah jenayah. Peranan keluarga dan masyarakat amat penting di dalam menyambungkan semula ikatan sosial yang telah longgar itu. Adalah menjadi kewajipan setiap individu untuk membantu golongan remaja yang menyeleweng ini agar mereka dapat menjalankan semula fungsi sebagai ahli masyarakat yang produktif dan progresif. Sekiranya masalah ini tidak diawasi, ia akan memberi kesan yang negatif sehingga akhirnya akan menjadi penghalang kepada kemajuan negara.

Perlulah diingati bahawa pesalah juvena terhasil dari persekitaran sosialnya iaitu atas sikap keluarga dan masyarakat di sekelilingnya. Mereka tidak dilahirkan sebagai penjenayah ataupun kerana sebab-sebab psikologi yang berat. Sebaliknya, individu yang melanggar norma-norma masyarakat ini haruslah dilihat sebagai seorang yang telah belajar pola-pola tingkah laku yang tertentu yang dianggapnya normal (walaupun pada realitinya tidak) dalam pergaulannya dan menolongnya adapt kepada persekitarannya yang menyeleweng itu. Walau bagaimanapun ini didorong oleh sikap masyarakat konvensional yang terlalu menekan sehingga akhirnya menyebabkan remaja tersebut terpaksa 'merungkaikan' dirinya dari nilai dan norma masyarakat umum, dan sebaliknya mendekatkan diri mereka dengan budaya penjenayah. Ini sesuai dengan pendapat Ohlin dan Cloward yang mengatakan;

> "..... The delinquency norms systems are generated by boys who have already determined that their failure, actual or impending, are the farcet of the larger social order". (Rushing W.A., 1975 : 55).

Jadi, apa yang jelas pada kita ialah, pesalah-pesalah juvena adalah individu-individu yang telah menarik diri mereka daripada terikat dengan undang-undang atau struktur normatif yang konvensional. Atau lebih jelasnya, pesalah juvena adalah mereka yang;

> "Completely withdrawn all sentiments of legitimacy from the conventional normative structure". (Cloward & Ohlin; 1960).

Maka sekali lagi pengkaji ingin menekankan bahawa Teori Kawalan Sosial oleh T. Hirschi boleh diapplikasikan ke atas pesalah juvena di negara ini. Sungguhpun begitu sokongan dari faktor-faktor lain juga penting dalam melihat bagaimana seseorang remaja itu boleh terjerumus ke lembah jenayah.

University of Malaya

## BIBLIOGRAFI

BAHAN RUJUKAN:


1. Amos, W.E. - "Delinquency Prevention : Theory & Practice" - A National Study, A Saga Research Inc., 1976.

2. Awang Sudjai Hairul (ed) - Kamus Dwibahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran, Kuala Lumpur, 1979.

3. Belson, W.A. - "Juvenile Theft : The Causal Factors", Harper & Row Publishers, London, 1975.

4. Box, S. - "Deviance, Reality and Society", Holt Rinehart and Winstons Ltd., London, 1975.

5. Burt, C. - "The Young Delinquent" (2nd ed.), University of London Press Ltd., London, 1931.

6. Cavan, R.S. - "Reading In Juvenile Delinquency" (3rd ed.), J.B. Lippincott Company, Philadelphia, New York, 1964.

7. Cloward, R.A. - "Delinquency and Opportunity", The Free Press, New York, 1960.

8. Coffey, A.R. - "Juvenile Corrections, Treatment and Rehabilitation", Prentice Hall Inc. Englewood Cliffs, N.J., 1975.

9. Cohen, A.K. - 'Delinquent Boys : The Culture Of The Gang", The Free Press New York, Collier Mc Millan Limited, London, 1955.

10. Davies, N.J. - "Sociological Constructions of Deviance; perspective and Issues In The Field", W.M.C. Brow Co. Publisher, 1975.

11. Empey, L.T. - "American Delinquency : Its Meaning and Constructions" The Dorsey Press, Homewood Ill., 1978.

12. Freedman, M. (ed) - "The Growth of Plural Society In Malaya", Pacific Affairs, Vol. 33, No. 2, June 1960.

13. Freud, S. - "A General Introduction To Psychoanalysis", New York 1920. (Authorized English translation of the rev. ed. with a preface by Enerst Jones & G. Stanley Hall, New York, Liveright Pub. Corp. 1968.

14. Gannon, T.M. - "The Sociology of Crime and Delinquency (2nd ed) John Wiley and Sons Inc. 1970.

15. Gibbons, D.C. - "Delinquency Behaviour", Prentice Hall Inc. Englewood Cliff, New Jersey 1981.

16. Hirschi, T. - "Causes of Delinquency", University of California Press, Bekerley, California, 1969.

17. Kassebaum, G. - "Delinquency and Social Policy", Prentice Hall Inc., Englewood Cliff, N.J., 1974.

18. Knudten R.D., Schafer S. - "Juvenile Delinquency : A Reader", Random House, New York, 1970.

19. Kvaraceus W., Miller W. - "Delinquency Behaviour; Culture and The Individual" Washington National Education, 1957.

20. Lundon W.A. - "Statistic On Delinquents and Delinquency" Springfield Ill., 1964.

21. Malewska H., Peyre V - "Juvenile Delinquency and Development - A National Study, A Saga Research Inc., 1976.

22. Mitchell, G.D. (ed) - "A Dictionary of Sociology", Tinling and Co. Ltd., London, 1970.

23. Nettler, G. - "Explaining Crime (2nd ed)", M.C. Graw-Hill Co. 1978.

24. Quay, H.C. - "Juvenile Delinquency Research and Theory" (ed) Priceton, N.J., Ran Nostrand, 1965.

25. Reckless, W.A. - "The Crime Problem" (5th ed), Englewood Cliffs, N.J. 1973.

26. Rushing, W.A. - "Deviant Behaviour and Social Process" Rand Mc Nally Publishing Co., 1975.

27. Sills, D.L. (ed) - "The International Encyclopedia of Social Science" Vol. 4, The Mac Millan Co. & The Free Press, New York, 1968.

28. West D.J. - "The Young Offenders", Penguin Books, Canada, 1974.

29. Wolfgang M.E. - "The Sociology of Crime and Delinquency" (2nd ed) John Wiley and Sons, New York, 1970.

Kajian Ilmiah

1. Ahmad Dzulkifli A. Rahman — Penjenayahan Budak-budak - Sebab-sebab yang memungkinkannya terjadi, Universiti Malaya, 1973.

2. Che Shamsudin Othman — Pola-pola Banduan Lelaki Melayu Di Penjara Pudu, U.M. 1973/74.

3. Fong Yut Kuen — Broken Homes & Juvenile Delinquency, University Malaya, 1982/83.

4. Sin Yit Shing, Nicholas — Urbanization; Cause of Juvenile Delinquency University Malaya, 1982/83.

5. Norilah Salam — Penjenayahan dan Jenis-jenis Jenayah Di Kalangan Masyarakat Melayu Di Singapura, Universiti Malaya 1975/76.

Lain-lain

1. Act 90, Juvenile Courts Acts 1947 (Rev - 1972, Law of Malaysia, (part 1), Percetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, 1972.

2. Akhbar Mingguan Malaysia - Pancaindera, Ahad Oktober 1984.

3. Makalah Female - Delinquency, Oktober & November 1981.

4. Makalah Femina - Selecta - Remaja, Oktober, 1983.

University of Malaya

A. PERTANYAAN UMUM

1. Bangsa ............... 2. Ugama ...................

3. Umur ................ 4. Tempat asal/lahir .................

B. HAL PERIBADI

1. ADAKAH anda masih bersekolah, menganggur atau telah bekerja? ........

2. Sekiranya anda masih belajar, di mana? ..............................

Tingkatan .................... Aliran ...........................

3. Sekiranya anda telah bekerja, nyatakan jenis pekerjaan dan tempatnya

.......................................................................

(i) Berapa pendapatan anda sebulan .......... Cukup/tidak? .........

(ii) Setakat darjah atau tingkatan berapa anda belajar dan kenapa?

.............................................................

4. Bagaimana sikap anda terhadap pelajaran? A. Suka B. Sederhana C. Tidak suka.

5. Pernahkan anda ponteng kelas atau sekolah? A. Selalu B. Jarang C. Tidak Pernah. Jika pernah, kenapa? ..............................

.......................................................................

6. Bagaimana tanggapan anda terhadap

(i) Pelajaran A. Suka B. Tidak suka C. Biasa

(ii) Guru A. Suka B. Tidak suka C. Biasa

7. Di sekolah anda dikenali sebagai pelajar yang

A. Pandai B. Sederhana C. Lemah D. Malas

8. Adakah anda mempunyai jadual waktu yang tetap untuk belajar setiap hari? ..................... kalau ya, berapa jam? .................

9. Anda boleh bertutur dalam bahasa A. Melayu B. Cina C. Arab D. Tamil E. Inggeris F. Lain-lain

University of Malaya

10. Gemarkah anda menonton t.v.?

(i) Corak kegemaran ..................................................

(ii) Siaran kegemaran ..................................................

11. Gemarkah anda membaca? ............ Jenis cerita ..................

12. Gemarkah anda menonton wayang gambar/video? ......................

(i) Kalau ya, corak cerita bagaimana yang anda gemar? .............

..................................................................

(ii) Biasanya anda menonton seorang diri atau dengan kawan? ........

..................................................................

(iii) Berapa kerap anda menonton? .................................

13. Gemarkah anda bersukan? ................... Jenis ...................

14. Pernahkah anda melakukan jenayah? ..................................

15. Adakah anda mempunyai kegemaran khusus? .............................

Jika ya, nyatakan ...................................................

16. Pernahkah anda merokok? ................ Dadah? ...................

Kenapa dan bagaimana anda mendapatkan wang untuk membelinya? .......

..................................................................

C. PENGARUH PERSEKITARAN

1. Tempat tinggal sekarang? Kampung ...................................

Bandar ...................... Negeri ...............................

2. Tempat atau kawasan dibesarkan (Bandar/luar bandar) ................

3. Perhubungan anda dengan masyarakat setempat/jiran

A. Rapat B. Jarang C. Tiada

4. Tinggal serumah dengan siapa? A. Ibu bapa B. Kawan-kawan

C. Sendirian D. Saudara mara E. Nenek/datuk

University of Malaya

5. Berapa ramai yang tinggal dalam sebuah rumah itu? ....................

Bagaimana keadaannya, sesak atau tidak? ..............................

6. Bagaimana jenis rumah anda? ..........................................

D. <u>HUBUNGAN DENGAN KELUARGA</u>

1. Pekerjaan bapa atau penjaga dan pendapatannya ........................

Lain-lain pendapatan ..................................................

2. Pekerjaan ibu dan pendapatannya sebulan ..............................

Lain-lain pendapatan ..................................................

3. Sekiranya anda telah berpisah dengan ibu bapa anda, kenapa? ........

.................... Berapa umur anda ketika berpisah...............

4. Siapa yang memelihara dan membesarkan anda sekarang? ...............

5. Berapa ramai adik-beradik anda? ......................................

6. (i) Umur tiap-tiap sibling dan jantina mereka? .....................

(ii) Pekerjaan tiap-tiap mereka (atau masih bersekolah) ............

7. Adakah ada di antara ahli keluarga anda yang pernah melakukan jenayah?.................... Sekiranya ya, siapa ...................... jenis jenayah? ..........................................................

8. Bagaimana layanan kedua ibu bapa anda terhadap anda? A. Mesra B. Sederhana C. Kurang mesra D. Tidak mesra.

9. Pada fikiran anda adakah ibu bapa anda seorang yang garang? ........

10. Berapa kerap ibu bapa anda memenuhi kehendak anda? A. Selalu B. Jarang C. Tidak pernah

11. Bagaimana layanan adik beradik terhadap anda? A. Sangat mesra B. Sederhana/biasa C. Tidak/kurang mesra

University of Malaya

12. Bagaimana hubungan kedua ibu dan bapa anda? A. Rapat/biasa
B. Selalu bergaduh C. Bercerai D. Tidak tahu

13. Pernahkah anda berselisih faham dengan ibu bapa anda? ..............
Sekiranya pernah, A. Selalu B. Jarang

14. Jika anda ada sesuatu masalah, dengan siapa anda berbincang?
A. Ibu/bapa B. Adik-beradik C. Rakan-rakan
D. Tidak berbincang
Biasanya masalah tentang apa?
A. Peribadi B. Ekonomi C. Lain-lain

15. Jika anda melakukan sesuatu kesalahan adakah ibu bapa anda
A. Marah B. Memberi nasihat C. Tidak mempedulikannya

16. Kadar kebebasan yang anda perolehi
A. Kebebasan mutlak B. Sederhana bebas C. Terkongkong

E. PELAJARAN UGAMA

1. Pernahkan anda mendapat didikan agama? ..............................
Kalau ya, dari siapa/mana? A. Di rumah B. Di sekolah biasa
C. Sekolah agama

2. Pada pendapat anda adakah anda seorang penganut
A. Alim B. Kurang C. Ikut-ikutan D. Tidak tahu

3. Adakah anda melakukan ibadat sembahyang setiap waktu, tanpa tinggal
..........................................................................

4. Adakah anda pergi sembahyang tiap-tiap minggu (Jumaat) ............
Kenapa ..................................................................

University of Malaya

5. Manakah di antara perkara-perkara di bawah ini yang benar tentang ugama?

   A. Agama membentuk peribadi manusia
   B. Agama menyekat kemajuan manusia
   C. Agama mententeramkan fikiran manusia
   D. Agama menyekat kebebasan manusia
   E. Agama membawa manusia ke jalan yang benar
   F. Agama tidak penting dalam kehidupan manusia
   G. Saya tidak tahu

6. Apa pendapat anda orang yang kurang mengikuti ajaran agamanya dan apakah akibatnya? ..............................................

..............................................................

7. Percayakah anda bahawa Tuhan itu wujud? Buktinya? ..............

..............................................................

8. Sekiranya anda tidak percaya, kenapa? ..........................

9. Apakah faedah yang anda perolehi dari agama anda? ...............

..............................................................

F. <u>SIKAP ANDA TERHADAP KEKAYAAN, MASYARAKAT DAN HIBURAN</u>

1. Apa pandangan anda tentang kekeyaan? ............................

..............................................................

2. Pada fikiran anda adakah wang itu penting? Kenapa anda berfikiran sedemikian .................................................

..............................................................

3. Adakah anda ingin cepat kaya? Kalau ya, bagaimana caranya? .......

..............................................................

4. Apa tujuan anda menjadi kaya? ...................................

University of Malaya

5. Sekiranya anda mendapat beribu-ribu ringgit apa yang akan anda lakukan dengan wang tersebut? ..........................................
..................................................................................

6. Apa pandangan anda tentang masyarakat di kawasan tempat kediaman anda A. Tidak bertimbang rasa B. Tidak mempedulikan orang C. Suka ambil tahu hal orang D. Tidak mahu memahami masalah orang E. Sombong dan pentingkan diri sendiri F. Baik hati G. Lain-lain

7. Apakah yang anda harapkan dari masyarakat
   A. Jangan pedulikan hal anda
   B. Bertimbangrasa dan tolong menolong
   C. Lain-lain (nyatakan).

8. Apa sikap anda terhadap masyarakat sekeliling?
   A. Suka B. Benci C. Lain-lain (nyatakan sebab-sebabnya)

9. Pada fikiran anda adakah hiburan itu sangat penting? ...............
   Kenapa anda berpendapat sedemikian? ................................

10. Bagaimana cara anda memperolehi hiburan? ..........................
    Berapa kerap anda melakukannya? ....................................

G. <u>SIKAP ANDA TERHADAP JENAYAH</u>

Pada fikiran anda apakah faktor-faktor yang mungkin menyebabkan seseorang itu terlibat dengan jenayah? ..........................
..................................................................................

1. Bagaimana sikap anda terhadap jenayah?
   A. Benci B. Tidak peduli C. Simpati

University of Malaya

2. Apa saranan anda untuk mengurangkan jenayah? ........................

.............................................................

3. Adakah anda setuju bahawa urbanisasi dan permodenan yang menyebabkan seseorang itu terlibat dengan jenayah? ..........................

Mengapa anda berpendapat sedemikian? ...........................

.............................................................

.............................................................

H. <u>PANDANGAN ANDA TENTANG SAHABAT</u>

1. Sukakah anda bersahabat dan mempunyai kawan yang ramai? ............
2. Adakah anda mempunyai sahabat yang karib? .......................

   Sekiranya ya, adakah ianya masih bersekolah atau telah bekerja? ....

   ........................ Jika tidak, kenapa? ......................
3. Apa pandangan anda tentang sahabat-sahabat sebaya (peer groups) ....

   .............................................................
4. Adakah sahabat-sahabat anda itu tinggal di kawasan yang sama? ......
5. Apakah konsep anda tentang sahabat? ...........................

   Kenapa sahabat itu penting? ....................................
6. Kebanyakan sahabat-sahabat anda itu terdiri dari anak-anak

   A. Orang kaya   B. Sederhana   C. Miskin   D. Telah bekerja

   E. Bersekolah
7. Adakah anda memilih kumpulan-kumpulan orang tertentu sebagai sahabat anda? ................ Kalau ya, kenapa? ......................

   .............................................................

   Apakah kritiria-kritiria yang anda tentukan dalam memilih sahabat?

   .............................................................

University of Malaya

8. Majoriti dari rakan-rakan anda adalah

A. Nakal B. Tidak nakal

9. Bolehkah seseorang manusia itu hidup terasing dari orang lain tanpa sahabat? ............ Kenapa anda berpendapat sedemikian? .......
.....................................................................

10. Adakah anda telah mempunyai 'steady girlfriend'? ..................

(i) Kenapa anda memilihnya? ........................................

(ii) Apakah kebaikan yang anda perolehi? ...........................

University of Malaya